

Pengaruh Psikologi Dakwah Terhadap Keberkesanan Penggunaan Teknologi dalam Pendidikan Islam

The Influence of Da'wah Psychology on the Effectiveness of Technology Use in Islamic Education

M. Haris Helmi H. Husin¹, M. Khalid M. Nasir^{2*}

^{1,2} *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), MALAYSIA*

*Pengarang Utama: mdkhalid@ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2025.06.02.012>

Maklumat Artikel

Diserah: 15 Ogos 2025

Diterima: 06 September 2025

Diterbitkan: 05 Disember 2025

Kata Kunci

Psikologi Dakwah, Pendidikan Islam, Teknologi Pembelajaran, Persepsi Pelajar, Model IRPS, Model TAM

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi menilai tahap psikologi dakwah pelajar Tingkatan Atas, menilai persepsi mereka terhadap penggunaan teknologi dalam pengajaran Pendidikan Islam, menganalisis hubungan antara psikologi dakwah dengan persepsi pelajar terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru, serta menilai perbezaan tahap psikologi dakwah berdasarkan faktor demografi seperti jantina, umur, lokasi sekolah dan tahap akses kepada teknologi pembelajaran. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk keratan rentas dengan melibatkan 100 orang pelajar Tingkatan 4 dan 5 dari beberapa buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Terengganu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap psikologi dakwah pelajar adalah tinggi, begitu juga dengan persepsi mereka terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru. Analisis korelasi Spearman menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara psikologi dakwah dengan persepsi terhadap keberkesanan penggunaan teknologi. Analisis perbezaan menggunakan ujian Mann-Whitney U pula menunjukkan tiada perbezaan signifikan tahap psikologi dakwah berdasarkan jantina, umur, lokasi sekolah dan tahap akses teknologi, dengan semua saiz kesan adalah kecil.

Keywords

Da'wah Psychology, Islamic Education, Learning Technology, Student Perceptions, IRPS Model, TAM Model

Abstract

This study evaluates the level of da'wah psychology among upper secondary students, their perceptions of technology use in Islamic Education, the relationship between da'wah psychology and perceptions of the effectiveness of teachers' technology use, and differences in da'wah psychology based on demographic factors such as gender, age, school location, and access to learning technology. The study adopts a quantitative cross-sectional design involving 100 Form 4 and 5 students from several national secondary schools in Terengganu. Findings show that students' da'wah psychology is high, as is their perception of the effectiveness of teachers' use of technology. Spearman correlation analysis indicates a significant positive relationship between da'wah psychology and perceptions of technology use effectiveness. Mann-Whitney U tests reveal no significant differences in da'wah psychology by gender, age,

school location, or technology access level, with all effect sizes being small. The findings demonstrate that professional and ethical technology-based teaching strategies not only support the understanding of religious content but also foster students' spiritual values, morals, and da'wah awareness comprehensively, regardless of demographic background.

1. Pendahuluan

Pengajaran Pendidikan Islam dalam era digital kini menghadapi cabaran baharu yang tidak lagi tertumpu kepada kekangan bahan atau kaedah pengajaran, tetapi lebih kepada isu keberkesanan pendekatan teknologi dalam membentuk penghayatan agama yang mendalam dalam kalangan pelajar. Di Malaysia, meskipun kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif digitalisasi pendidikan melalui dasar seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025, keberkesanan penggunaan teknologi dalam mata pelajaran seperti Pendidikan Islam masih belum dibuktikan secara menyeluruh, terutama dalam kalangan pelajar Tingkatan Atas di sekolah menengah kebangsaan. Dalam konteks negeri seperti Terengganu yang kuat identitinya dengan pendidikan Islam, penerokaan hubungan antara pendekatan teknologi oleh guru dengan psikologi dakwah pelajar menjadi sangat signifikan. Kajian Nordin et al. (2022) menunjukkan bahawa pendekatan dakwah dalam kalangan remaja perlu berubah secara kreatif semasa pandemik COVID-19, namun kajian mereka tidak menyentuh sama ada elemen psikologi pelajar itu sendiri mampu mempengaruhi keberkesanan strategi teknologi guru. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meneliti faktor dalaman pelajar, iaitu psikologi dakwah, dan hubungannya dengan keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru dalam konteks Pendidikan Islam di sekolah menengah.

Tinjauan terhadap literatur semasa menunjukkan bahawa kajian yang menggabungkan dimensi psikologi dakwah dan teknologi pendidikan Islam masih terhad dan bersifat terpisah. Sebagai contoh, kajian oleh Nuriman dan Ibrahim (2020) membangunkan Model *Islamic Religiosity–Personality and Social Environment* (IRPS) yang menyentuh aspek religiositi, spiritualiti dan persekitaran sosial sebagai pembentuk personaliti Islam dalam kalangan pelajar. Namun, kajian tersebut tidak mengaitkan secara langsung elemen psikologi dakwah ini dengan persepsi pelajar terhadap strategi pengajaran berasaskan teknologi. Begitu juga dengan kajian oleh Fauzi et al. (2023) yang menumpukan kepada persepsi guru terhadap cabaran dakwah pelajar, tanpa mengkaji pandangan pelajar sendiri. Malahan, kajian tersebut mengabaikan aspek penting iaitu sejauh mana pelajar menerima atau menolak penggunaan teknologi dalam bilik darjah Islam berdasarkan latar belakang psikologi keagamaan mereka. Kajian oleh Ansyah (2022) yang menggunakan Model Penerimaan Teknologi (TAM) pula menunjukkan bahawa persepsi terhadap kegunaan, kemudahan, dan efikasi sendiri memainkan peranan dalam penerimaan e-pembelajaran, namun ia hanya melibatkan pelajar universiti dan tidak mengambil kira pelajar sekolah menengah yang masih berada dalam fasa pembentukan nilai dan keperibadian Islam. Jurang ini menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan kajian yang mengaitkan elemen psikologi dakwah dengan persepsi terhadap penggunaan teknologi oleh guru Pendidikan Islam, khususnya dalam kalangan pelajar remaja.

Dari segi fokus, kebanyakan kajian terdahulu lebih banyak menumpukan kepada keberkesanan teknologi secara am dalam pembelajaran atau kepada sikap guru terhadap penggunaannya, dan bukannya kepada pengaruh psikologi pelajar yang terbina hasil nilai-nilai dakwah. Kajian oleh Fitriyah et al. (2024) contohnya menekankan kepada kesan positif teknologi terhadap nilai-nilai Islam pelajar, tetapi menekankan kepada pengaruh luaran seperti disiplin penggunaan teknologi dan pengaruh persekitaran sosial, tanpa mengambil kira faktor dalaman spiritual dan religiositi pelajar. Dalam konteks Pendidikan Islam, adalah penting untuk memahami bahawa pelajar bukan sahaja perlu menerima teknologi sebagai alat bantu pembelajaran, tetapi juga mesti mampu mengaitkannya dengan ajaran Islam secara dalaman. Dakwah bukan sekadar penyampaian maklumat tetapi melibatkan proses membentuk jiwa dan personaliti. Oleh itu, hubungan antara psikologi dakwah pelajar dan persepsi mereka terhadap keberkesanan teknologi dalam pengajaran perlu dikaji secara holistik agar sebarang intervensi pendidikan dapat disasarkan kepada akar sebenar penerimaan atau penolakan pelajar terhadap teknologi dalam kelas Pendidikan Islam.

Dari aspek metodologi pula, banyak kajian lepas menggunakan pendekatan kualitatif, kajian kes, atau kaedah literatur semata-mata tanpa mengukur hubungan antara pembolehubah secara empirikal dalam konteks kuantitatif. Sebagai contoh, kajian oleh Mala (2024) menekankan kepada pemerhatian terhadap penggunaan teknologi dalam pendidikan Islam, tetapi tidak menggunakan kaedah statistik untuk menentukan hubungan antara ciri psikologi pelajar dan persepsi mereka terhadap teknologi. Norsham et al. (2023) pula menggunakan pendekatan temubual terhadap guru Pendidikan Khas, yang memberikan maklumat kualitatif berguna, tetapi masih belum dapat digunakan untuk menggambarkan pola hubungan antara pembolehubah dalam kalangan pelajar umum. Malahan, banyak kajian yang dilakukan dalam konteks luar negara, seperti di Indonesia dan Korea Selatan (Ulumudin et al., 2024; Fatmawati, 2025), mempunyai isu kebolegunaan dapatan dalam konteks Malaysia, khususnya dalam negeri yang sangat menekankan pendidikan agama seperti Terengganu.

Selain hubungan antara pembolehubah utama, faktor demografi pelajar juga perlu dipertimbangkan kerana ia berpotensi mempengaruhi tahap psikologi dakwah dan persepsi terhadap teknologi. Othman et al. (2023)

menunjukkan bahawa jantina boleh menjadi pemboleh ubah penting kerana pelajar perempuan cenderung menunjukkan penghayatan akhlak dan penglibatan dalam amalan Islam yang lebih konsisten berbanding pelajar lelaki, manakala lelaki sering lebih menonjol dalam aktiviti dakwah bersifat luar bilik darjah. Faktor umur pula dikaitkan dengan tahap kematangan kognitif dan kerohanian, di mana pelajar lebih berusia biasanya menunjukkan kawalan sendiri dan kefahaman nilai Islam yang lebih mendalam (Jusof & Samaeng, 2025). Dalam konteks lokasi sekolah, Fauzi dan Baharuddin (2023) mendapati bahawa pelajar di kawasan bandar mempunyai akses lebih meluas kepada teknologi pendidikan Islam, namun pengaruh persekitaran sosial dan rakan sebaya di luar sekolah boleh menjadi cabaran kepada penghayatan nilai dakwah. Tahap akses kepada teknologi juga terbukti mempengaruhi keberkesanan pengajaran digital. Ashari et al. (2023) menegaskan bahawa pelajar dengan capaian internet yang stabil dan peranti peribadi lebih cenderung memanfaatkan platform pembelajaran dalam talian secara optimum berbanding pelajar yang berkongsi peranti atau bergantung kepada capaian terhad. Justeru, demografi bukan sahaja mempengaruhi penerimaan teknologi, tetapi juga boleh membentuk variasi dalam kekuatan psikologi dakwah pelajar, sekali gus wajar dianalisis secara empirik dalam kajian ini.

Oleh itu, kajian menggabungkan empat dimensi psikologi dakwah, religiositi Islam, spiritualiti Islam, persekitaran sosial Islam dan personaliti Islam, sebagai pemboleh ubah bersandar, dan mengkaji hubungannya dengan persepsi pelajar terhadap keberkesanan penggunaan teknologi dalam Pendidikan Islam yang melibatkan empat dimensi iaitu efikasi sendiri, persepsi terhadap kegunaan, kemudahan, dan penggunaan e-pembelajaran oleh guru. Hasil kajian ini dijangka mampu memberikan sumbangan signifikan terhadap penggubalan dasar pengajaran Pendidikan Islam, di samping membuka ruang baharu dalam perbincangan tentang pengaruh dakwah terhadap kesediaan pelajar menerima teknologi dalam bilik darjah. Kajian ini juga berpotensi menjawab persoalan sama ada pembentukan jiwa dakwah dalam kalangan pelajar mampu memperkukuh keberkesanan strategi teknologi dalam Pendidikan Islam, seterusnya menghasilkan model pembelajaran yang bersifat holistik dan selari dengan nilai Islam serta cabaran pendidikan abad ke-21.

1.1 Objektif Kajian

Berikut ialah objektif kajian ini:

1. Menilai tahap psikologi dakwah dalam kalangan pelajar Tingkatan Atas di Sekolah Menengah Kebangsaan.
2. Menilai persepsi pelajar terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam.
3. Menganalisis hubungan antara psikologi dakwah pelajar dengan persepsi mereka terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam.
4. Menilai perbezaan tahap psikologi dakwah dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor demografi seperti jantina, umur, lokasi sekolah, dan tahap akses kepada teknologi pembelajaran.

1.2 Persoalan Kajian

Berikut ialah persoalan kajian ini:

1. Apakah tahap psikologi dakwah dalam kalangan pelajar Tingkatan Atas di Sekolah Menengah Kebangsaan?
2. Bagaimanakah persepsi pelajar terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara psikologi dakwah pelajar dengan persepsi mereka terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam?
4. Adakah terdapat perbezaan tahap psikologi dakwah dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor demografi seperti jantina, umur, lokasi sekolah, dan tahap akses kepada teknologi pembelajaran?

2. Tinjauan Literatur

2.1 Psikologi Dakwah dalam Pendidikan Islam

Kajian berkaitan psikologi dakwah dalam kalangan pelajar sekolah menengah semakin mendapat perhatian dalam penyelidikan kontemporari kerana peranannya dalam membentuk sikap, keperibadian, dan penerimaan pelajar terhadap pendekatan pengajaran agama. Nuriman dan Ibrahim (2020) yang membangunkan Model IRPS untuk menilai hubungan antara religiositi, spiritualiti dan persekitaran sosial terhadap pembentukan personaliti Islam. Hasil analisis mendapati religiositi Islam memberikan kesan positif yang tinggi terhadap pembentukan personaliti pelajar, manakala spiritualiti Islam tidak menunjukkan kesan signifikan secara langsung. Persekitaran sosial pula memainkan peranan sebagai perantara dalam mengukuhkan hubungan antara religiositi dan personaliti. Namun, kekangan utama kajian ini ialah ia tidak menilai bagaimana elemen psikologi dakwah tersebut memberi kesan terhadap persepsi pelajar terhadap pendekatan guru dalam pengajaran agama, terutamanya melalui penggunaan teknologi. Maka, meskipun model IRPS memberikan asas yang mantap, ia

masih belum menyentuh secara empirikal hubungan antara psikologi dakwah dan keberkesanan pengajaran secara holistik.

Dimensi pertama yang sering menjadi tumpuan dalam psikologi dakwah ialah religiositi Islam. Jusof dan Samaeng (2025), religiositi ditafsirkan sebagai sistem kepercayaan dan amalan individu terhadap Allah dan Nabi yang membentuk asas nilai dan motivasi pelajar dalam pembelajaran agama. Kajian ini mendapati bahawa tahap kepercayaan terhadap prinsip tauhid dan kecintaan terhadap Nabi mempengaruhi keterbukaan pelajar terhadap bimbingan rohani. Didapati pelajar yang memiliki kefahaman mendalam tentang konsep keesaan Allah dan risalah kenabian lebih cenderung untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti dakwah dan bersikap terbuka terhadap pendekatan pembelajaran moden termasuk yang berbantuan teknologi. Kajian ini menyokong dapatan Nuriman dan Ibrahim (2020) bahawa religiositi merupakan dimensi yang dominan dalam membentuk asas psikologi pelajar Islam. Namun, kekangan dari sudut reka bentuk kualitatif menyukarkan untuk mengukur sejauh mana religiositi berperanan dalam persepsi pelajar terhadap strategi guru, khususnya dalam penggunaan platform digital seperti e-pembelajaran.

Kahfi dan Mahmudi (2024) mengupas kesan pendekatan dakwah digital terhadap pengukuhan spiritualiti dalam kalangan pelajar remaja. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan ke atas pelbagai platform dakwah digital dan mendapati bahawa interaksi pelajar dengan bahan dakwah seperti ceramah dalam talian dan konten motivasi Islami membina kesedaran rohani secara tidak langsung. Kajian ini menunjukkan potensi bahawa spiritualiti boleh dibina dan diperkukuh melalui pendekatan yang sesuai dengan era digital. spiritualiti dalam kalangan pelajar sekolah sering kali bersifat subjektif dan tidak stabil, menjadikan pengukuran kuantitatif terhadapnya sebagai satu cabaran. Oleh itu, integrasi spiritualiti Islam sebagai salah satu dimensi dalam soal selidik kuantitatif seperti dalam kajian ini adalah wajar dan menjawab keperluan untuk mengukur dimensi rohani secara sistematik.

Manakala, Fauzi dan Baharuddin (2023) menumpukan kepada cabaran guru dalam mendidik pelajar dari aspek dakwah, dan mendapati bahawa persekitaran pelajar merupakan cabaran utama dalam penerimaan ajaran agama. Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melibatkan 100 orang guru Pendidikan Islam, kajian ini menunjukkan bahawa 67% responden bersetuju bahawa rakan sebaya dan media sosial memberi pengaruh besar terhadap minat pelajar terhadap dakwah. Namun, kelemahan kajian ini ialah ia tidak melibatkan suara pelajar sendiri, dan hanya menilai persepsi guru. Kajian semasa ini memperbaiki kelemahan tersebut dengan memasukkan perspektif pelajar secara langsung. Dalam konteks pelajar sekolah menengah di Terengganu, persekitaran sosial Islam yang kuat mungkin menjadi pemangkin kepada penerimaan pelajar terhadap teknologi sekiranya ia dilihat sebagai selari dengan nilai agama. Oleh itu, dimensi ini sangat relevan untuk difahami dari sudut psikologi dan perlu dinilai secara empirikal seperti yang dilaksanakan dalam soal selidik kajian ini.

Seterusnya, Othman et al. (2023) di Perak menunjukkan bahawa penghayatan akhlak Islam seperti amalan membaca al-Quran, menabung untuk ibadah dan memberi sedekah memainkan peranan dalam membentuk identiti Islam pelajar. Kajian tersebut mendapati bahawa tahap penghayatan akhlak berada pada tahap sederhana tinggi. Kajian ini juga menekankan bahawa pelajar yang mengamalkan gaya hidup Islamik secara konsisten cenderung untuk bersikap terbuka terhadap pelbagai pendekatan pengajaran, termasuk penggunaan teknologi. Walaupun tidak meneliti secara langsung hubungan antara personaliti Islam dan persepsi terhadap guru, kajian ini memberi isyarat bahawa pelajar yang kuat akhlaknya akan lebih menghargai usaha guru dalam menyampaikan pelajaran dengan cara yang moden dan interaktif.

Abd Karim (2025) turut memberikan sumbangan dalam memahami keseimbangan psikologi dakwah terhadap golongan yang memerlukan bimbingan, seperti saudara baru dan asnaf, dari perspektif psikologi. Kajian ini menegaskan bahawa pendekatan dakwah yang bersifat empatik dan berorientasikan nilai boleh membentuk keyakinan diri serta keterbukaan terhadap pendidikan Islam. Walaupun kajian ini tidak meneliti pelajar sekolah, prinsipnya tetap relevan dalam konteks pembentukan psikologi pelajar remaja. Kajian ini menyokong gagasan bahawa penghayatan terhadap nilai Islam melalui personaliti dan spiritualiti boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran yang berasaskan teknologi jika pendekatan yang digunakan tidak bercanggah dengan nilai yang mereka hayati. Hal ini menguatkan justifikasi mengapa dimensi personaliti Islam, religiositi dan spiritualiti perlu dikaji secara bersama untuk memahami psikologi dakwah pelajar secara menyeluruh. Sebagai rumusan, kajian lepas menunjukkan bahawa setiap dimensi dalam psikologi dakwah memainkan peranan tersendiri dalam membentuk keperibadian dan penerimaan pelajar terhadap pendidikan Islam. Namun begitu, hampir kesemua kajian terdahulu sama ada berfokus kepada aspek dalaman pelajar tanpa mengaitkannya dengan strategi pengajaran guru, atau bersifat kualitatif dan tidak menguji hubungan secara statistik.

2.2 Keberkesanan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran Pendidikan Islam

Penggunaan teknologi dalam pengajaran Pendidikan Islam telah menjadi elemen penting dalam transformasi pedagogi abad ke-21, terutama selepas pandemik COVID-19 yang mempercepatkan pelaksanaan pembelajaran digital di sekolah. Salah satu dimensi penting dalam menilai keberkesanan penggunaan teknologi ialah efikasi

kendiri, iaitu keyakinan pelajar terhadap keupayaan diri mereka untuk menggunakan teknologi secara berkesan dalam pembelajaran. Ansyah (2022) yang mengguna pakai Model TAM mendapati bahawa efikasi sendiri memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran. Namun begitu, kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar dewasa di universiti dan tidak mengambil kira dinamika pembelajaran pelajar sekolah menengah, khususnya dalam konteks keagamaan seperti Pendidikan Islam.

Ashari et al. (2023) membincangkan celik digital pelajar di Indonesia dan Malaysia dalam pendidikan agama dan mendapati bahawa pelajar yang mempersepsikan teknologi sebagai bermanfaat menunjukkan tahap keterlibatan yang lebih tinggi dalam pembelajaran Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui semakan literatur sistematik dan mendapati bahawa penggunaan teknologi memperluas akses kepada sumber pembelajaran digital seperti video, ceramah dalam talian, dan forum tanya jawab, sekali gus meningkatkan motivasi dan pemahaman pelajar terhadap subjek agama. Dalam konteks ini, persepsi pelajar terhadap kegunaan teknologi menjadi indikator penting kepada keberkesanan pedagogi guru. Mala (2024) yang menggunakan kajian kes di beberapa sekolah Islam di Indonesia turut menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung menghargai isi pelajaran apabila guru menggunakan bahan visual dan media interaktif dalam pengajaran agama. Implikasinya adalah jelas: apabila pelajar merasakan teknologi memudahkan pembelajaran, mereka menunjukkan penglibatan dan hasil yang lebih baik. Oleh itu, persepsi terhadap kegunaan teknologi adalah satu dimensi yang tidak boleh dipandang ringan dalam menilai kejayaan pendekatan teknologi oleh guru Pendidikan Islam.

Seterusnya, persepsi terhadap kemudahan penggunaan teknologi juga menjadi faktor penentu utama dalam penerimaan pelajar terhadap pembelajaran digital dalam Pendidikan Islam. Menurut Ansyah (2022), kemudahan penggunaan teknologi, iaitu sejauh mana pelajar berasa mudah mengendalikan sistem e-pembelajaran, menjadi moderator yang signifikan antara persepsi terhadap kegunaan dan penggunaan sebenar teknologi dalam kelas. Kajian ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap kemudahan penggunaan memberi kesan secara langsung terhadap kesediaan mereka untuk meneruskan pembelajaran secara digital. Dalam konteks pelajar sekolah menengah di Malaysia, faktor seperti kejelasan paparan antaramuka sistem, kecepatan capaian internet dan keupayaan guru dalam menyusun kandungan dengan mesra pengguna akan menentukan sama ada pelajar dapat mengakses dan memahami bahan pembelajaran dengan mudah. Hussin et al. (2022) yang meneliti pelajar di Universiti Sains Islam Malaysia dalam kursus hafazan al-Quran mendapati bahawa 80% pelajar menyatakan kesukaran utama mereka adalah berkaitan sambungan internet dan antara muka aplikasi yang tidak mesra pengguna. Ini menunjukkan bahawa walaupun pelajar menerima teknologi, aspek teknikal seperti reka bentuk sistem dan sokongan pengguna tetap memberi kesan terhadap keberkesanan pengajaran.

Kajian oleh Mala (2024) dan Fitriyah et al. (2024) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi oleh guru secara aktif dan kreatif bukan sahaja meningkatkan keberkesanan penyampaian, malah menjadikan pelajar lebih tertarik dan terlibat dalam pembelajaran. Didapati bahawa mereka lebih suka belajar agama menggunakan bahan interaktif dan digital berbanding ceramah tradisional. Mereka juga menyatakan bahawa guru yang menggunakan pendekatan visual dan media sosial lebih mudah menyampaikan nilai-nilai Islam secara berkesan. Walau bagaimanapun, kekangan yang dikenal pasti termasuklah kekurangan latihan guru dalam mengendalikan teknologi dan kesukaran dalam mengawal penggunaan pelajar terhadap teknologi untuk tujuan yang betul. Ini memberi isyarat bahawa penggunaan teknologi bukan sahaja bergantung kepada keupayaan pelajar, tetapi juga pada kemahiran guru dalam mengintegrasikannya dengan nilai Islam.

Secara keseluruhannya, kajian lepas menunjukkan bahawa dimensi keberkesanan penggunaan teknologi dalam Pendidikan Islam, yang merangkumi efikasi sendiri pelajar, persepsi terhadap kegunaan, kemudahan penggunaan dan penggunaan teknologi oleh guru, merupakan faktor-faktor penting dalam menentukan kejayaan pembelajaran agama secara digital. Namun, kelemahan utama kebanyakan kajian terdahulu ialah ia tidak meneliti secara integratif kesemua dimensi ini secara serentak dalam konteks pelajar sekolah menengah Islam. Tambahan pula, kajian seperti oleh Ansyah (2022) dan Hussin et al. (2022) lebih banyak tertumpu kepada konteks pengajian tinggi, manakala kajian seperti Mala (2024) bersifat kualitatif dan kurang memberi gambaran statistik terhadap persepsi pelajar. Oleh itu, kajian ini menggabungkan keempat-empat dimensi bagi menilai persepsi pelajar sekolah menengah atas di Terengganu terhadap keberkesanan guru menggunakan teknologi dalam pengajaran Pendidikan Islam.

2.3 Faktor Demografi

Faktor demografi pelajar telah dikenal pasti sebagai elemen penting yang mempengaruhi hubungan antara psikologi dakwah dan persepsi terhadap keberkesanan penggunaan teknologi dalam pengajaran Pendidikan Islam. Kajian lepas secara konsisten menunjukkan bahawa jantina memainkan peranan dalam membentuk tahap penghayatan nilai Islam dan keterlibatan pelajar terhadap aktiviti dakwah. Othman et al. (2023) melaporkan bahawa pelajar perempuan lebih cenderung menunjukkan amalan akhlak Islam yang konsisten berbanding pelajar lelaki, termasuk penglibatan dalam ibadah berkumpulan dan aktiviti kemasyarakatan berlandaskan Islam. Sebaliknya, pelajar lelaki dilihat lebih aktif dalam bentuk dakwah yang bersifat terbuka

seperti pengucapan awam dan penyertaan dalam program komuniti, walaupun penghayatan nilai secara konsisten mungkin lebih rendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa jantina bukan sahaja membentuk pola penglibatan dakwah, tetapi juga berpotensi mempengaruhi cara pelajar menilai strategi pengajaran guru, khususnya apabila teknologi digunakan sebagai medium dakwah.

Faktor umur juga memberi implikasi yang ketara terhadap psikologi dakwah dan penerimaan teknologi dalam pengajaran Pendidikan Islam. Jusof dan Samaeng (2025) mendapati bahawa pelajar yang lebih berusia mempunyai kematangan kognitif dan emosi yang lebih stabil, yang membolehkan mereka menilai pendekatan pengajaran secara lebih kritikal dan mengaitkannya dengan prinsip agama. Pelajar dalam lingkungan umur 17 tahun, misalnya, dilaporkan lebih mampu menghubungkan konsep teknologi pembelajaran dengan nilai keagamaan berbanding pelajar yang lebih muda, kerana mereka telah melalui proses pembelajaran agama yang lebih panjang dan mendalam. Ini sejajar dengan teori perkembangan remaja yang menunjukkan bahawa usia mempengaruhi tahap refleksi diri, kesedaran spiritual, dan keupayaan untuk mengintegrasikan pengalaman pembelajaran dengan identiti keagamaan. Selain jantina dan umur, lokasi sekolah dan tahap akses kepada teknologi turut menjadi faktor demografi yang signifikan dalam membentuk persepsi pelajar.

Fauzi dan Baharuddin (2023) menegaskan bahawa pelajar di kawasan bandar biasanya mempunyai akses yang lebih baik kepada infrastruktur teknologi seperti internet berkelajuan tinggi dan peranti pembelajaran peribadi. Keadaan ini memberikan kelebihan dari segi pendedahan kepada pelbagai sumber pembelajaran digital, yang secara langsung dapat meningkatkan keyakinan dan kemahiran menggunakan teknologi. Sebaliknya, pelajar di kawasan luar bandar sering berhadapan dengan cabaran capaian internet yang lemah dan kekangan peralatan, yang boleh menjejaskan keberkesanan pengajaran berbantuan teknologi. Ashari et al. (2023) menambah bahawa tahap akses kepada teknologi, sama ada melalui pemilikan peranti sendiri atau perkongsian dengan ahli keluarga, memberi kesan kepada sejauh mana pelajar dapat memanfaatkan e-pembelajaran secara optimum. Dalam konteks psikologi dakwah, jurang akses ini bukan sahaja memberi kesan kepada kemahiran teknikal, tetapi juga kepada persepsi pelajar terhadap nilai dan keberkesanan teknologi sebagai alat untuk menyampaikan ajaran Islam. Pelajar yang mempunyai akses lebih baik mungkin melihat teknologi sebagai medium yang relevan dan efisien untuk dakwah, manakala mereka yang terhad aksesnya mungkin melihatnya sebagai beban tambahan atau kurang signifikan. Oleh itu, analisis demografi dalam kajian ini penting untuk mengenal pasti variasi dalam penerimaan dan penghayatan teknologi berdasarkan latar belakang pelajar, sekali gus memberikan asas yang lebih kukuh dalam merancang strategi pengajaran Pendidikan Islam yang inklusif dan responsif terhadap kepelbagaian konteks pelajar.

3. Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif yang berbentuk keratan rentas (cross-sectional) bagi mengkaji hubungan antara psikologi dakwah pelajar dengan persepsi mereka terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam. Data kajian ini merupakan data primer yang dikumpul melalui pengedaran soal selidik secara dalam talian menggunakan platform Google Form. Reka bentuk ini juga sesuai digunakan apabila populasi yang dikaji terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang mempunyai kesedaran awal tentang subjek Pendidikan Islam dan telah didedahkan kepada penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran mereka.

Reka bentuk kuantitatif keratan rentas membolehkan penyelidik memperoleh maklumat yang meluas daripada sejumlah besar responden dalam jangka masa singkat serta menjimatkan kos pelaksanaan. Tambahan pula, pendekatan ini selari dengan kajian lepas seperti oleh Ansyah (2022) dan Nuriman dan Ibrahim (2020) yang turut menggunakan kaedah kuantitatif bagi menilai hubungan antara pembolehubah psikologi dan pendidikan Islam. Reka bentuk ini juga membolehkan kajian ini diuji secara empirikal melalui analisis statistik deskriptif dan inferens, sejajar dengan pendekatan kuantitatif yang menekankan pengukuran objektif dan kebolehpercayaan hasil kajian (Creswell & Creswell, 2017).

3.2 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di beberapa buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di negeri Terengganu yang dipilih secara persampelan mudah. Kajian ini memberi tumpuan kepada pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 di sekolah menengah yang menawarkan subjek Pendidikan Islam mengikut Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Lokasi sekolah yang terlibat merangkumi sekolah di kawasan bandar dan luar bandar bagi mendapatkan kepelbagaian konteks geografi dan tahap akses teknologi yang mungkin mempengaruhi persepsi pelajar terhadap strategi guru.

3.3 Populasi dan Saiz Sampel

Populasi bagi kajian ini terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 yang mengikuti subjek Pendidikan Islam di beberapa buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di negeri Terengganu. Pemilihan kumpulan ini adalah berdasarkan keperluan kajian yang menumpukan kepada golongan pelajar yang berada dalam fasa remaja akhir dan telah menerima pendedahan terhadap pengajaran Islam secara formal sejak di peringkat rendah hingga menengah atas. Mereka juga telah terdedah kepada penggunaan teknologi dalam pembelajaran, justeru sesuai untuk menilai persepsi terhadap keberkesanan guru menggunakan teknologi serta kesan terhadap psikologi dakwah mereka. Menurut Krejcie dan Morgan (1970), bagi populasi yang besar dan tidak diketahui, saiz sampel minimum yang sesuai untuk kajian deskriptif dan inferensial ialah sekurang-kurangnya 100 responden bagi mencapai kebolehpercayaan dan ketepatan analisis. Oleh itu, sebanyak 100 orang pelajar telah dipilih secara persampelan bertujuan untuk dijadikan responden kajian ini.

3.4 Teknik Persampelan

Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan bagi tujuan pemilihan responden. Teknik ini dipilih berdasarkan kemudahan capaian kepada pelajar Tingkatan 4 dan 5 yang sedang mengikuti subjek Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di negeri Terengganu. Penggunaan persampelan bertujuan membolehkan penyelidik mengumpul data dengan cepat, kos yang rendah dan sesuai dengan kekangan masa serta sumber yang ada. Selain itu, pelajar yang terlibat merupakan kumpulan yang sedia ada di bawah seliaan guru Pendidikan Islam dan telah terbiasa menggunakan platform digital seperti Google Classroom, Kuizizz dan YouTube dalam sesi pembelajaran. Oleh itu, mereka sesuai untuk memberikan maklum balas melalui soal selidik yang disediakan.

3.5 Instrumen Kajian

Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian A (Profil Demografi), Bahagian B (Psikologi Dakwah – pembolehubah bersandar), dan Bahagian C (Keberkesanan Penggunaan Teknologi – pembolehubah bebas). Bahagian A terdiri daripada lima item yang mengumpul maklumat demografi pelajar seperti jantina, tingkatan, umur, lokasi sekolah (bandar atau luar bandar), serta tahap akses kepada teknologi pembelajaran. Skala yang digunakan dalam Bahagian A ialah skala nominal dan ordinal, bergantung kepada jenis item. Maklumat ini penting untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang latar belakang responden dan membolehkan analisis lanjut dibuat mengikut kumpulan demografi tertentu. Bahagian B dan Bahagian C masing-masing mengandungi pernyataan berkaitan dengan pembolehubah kajian yang diukur menggunakan skala Likert lima mata iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju, dan 5 = Sangat Setuju.

Bahagian B mengandungi 32 item yang mengukur tahap psikologi dakwah pelajar berdasarkan empat dimensi utama seperti yang digariskan oleh Nuriman dan Ibrahim (2020): religiositi Islam (14 item), spiritualiti Islam (7 item), persekitaran sosial Islam (5 item), dan personaliti Islam (6 item). Setiap pernyataan disesuaikan secara kontekstual kepada pelajar sekolah menengah agar mudah difahami dan relevan dengan pengalaman pembelajaran mereka. Bahagian C pula mengandungi 18 item yang mengukur persepsi pelajar terhadap keberkesanan penggunaan teknologi dalam pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan empat komponen utama seperti yang diadaptasi daripada Ansyah (2022): efikasi sendiri dalam penggunaan teknologi (5 item), persepsi terhadap kegunaan teknologi (4 item), persepsi terhadap kemudahan penggunaannya (3 item), dan penggunaan e-pembelajaran oleh guru (6 item). Item dalam Bahagian C memberi tumpuan kepada bagaimana pelajar menilai kemahiran guru, kefungsi teknologi, serta keberkesanan keseluruhan pendekatan digital dalam menyampaikan kandungan Pendidikan Islam. Keseluruhan struktur soal selidik ini dibina bagi membolehkan data kuantitatif diperolehi secara sistematik dan dianalisis menggunakan pendekatan statistik deskriptif dan inferens bagi menguji hipotesis kajian. Pemilihan skala Likert lima mata membolehkan penyelidik memperoleh maklumat yang lebih terperinci tentang tahap persetujuan responden terhadap pernyataan yang berkaitan dengan pengalaman dan persepsi mereka.

3.6 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini dilaksanakan melalui penggunaan soal selidik atas talian yang dibina menggunakan platform Google Form. Pemilihan kaedah ini adalah bersesuaian dengan objektif kajian yang memerlukan pengumpulan data kuantitatif dalam tempoh masa yang terhad dan dengan kos yang minimum. Soal selidik ini diedarkan kepada pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 di beberapa Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) terpilih di negeri Terengganu. Pengedaran soal selidik dijalankan dengan bantuan guru Pendidikan Islam yang bertindak sebagai fasilitator kajian di sekolah. Guru-guru ini menyebarkan pautan soal selidik melalui medium komunikasi yang biasa digunakan oleh pelajar seperti kumpulan WhatsApp kelas, Google Classroom dan Telegram.

3.7 Kaedah Analisis Data

Data dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 29. Kesahan struktur dan kecukupan sampel disemak melalui KMO dan Bartlett, manakala kebolehpercayaan dalaman dinilai menggunakan Cronbach's alpha. Seterusnya, statistik deskriptif (min/median, sisihan piawai/IQR) diguna untuk menggambarkan taburan skor, diikuti ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk bagi menentukan sama ada andaian parametrik dipenuhi. Memandangkan keputusan normaliti tidak normal, analisis inferensi dibuat menggunakan pendekatan bukan parametrik. Bagi objektif hubungan, korelasi Spearman's rho (dua hala, $\alpha = .05$) digunakan untuk menilai perkaitan monotonik antara persepsi keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru dengan tahap Psikologi Dakwah. Bagi objektif perbezaan mengikut demografi, setiap kategori yang mempunyai dua kumpulan, jantina (lelaki vs perempuan), umur (16 vs 17 tahun), lokasi sekolah (bandar vs luar bandar) dan tahap akses teknologi (akses sendiri vs berkongsi), dianalisis menggunakan ujian Mann-Whitney U (dua hala, $\alpha = .05$).

3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Dimensi psikologi dakwah dalam Bahagian B soal selidik telah diadaptasi daripada Model IRPS oleh Nuriman dan Ibrahim (2020), yang menggunakan pendekatan pengesahan konstruk melalui Analisis Faktor Pengesahan (CFA). Mereka melaporkan nilai purata varian diekstrak (AVE) yang tinggi melebihi 0.77 dan pekali kebolehpercayaan komposit (CR) melebihi 0.94 untuk dimensi religiositi dan spiritualiti Islam, menunjukkan kesahan konvergen dan kebolehpercayaan dalaman yang sangat baik. Nilai loading item dalam kajian asal juga menunjukkan konsistensi tinggi, contohnya item religiositi seperti "Saya yakin dengan konsep Tauhid" menunjukkan nilai loading .82 manakala spiritualiti seperti "Semakin banyak ilmu agama yang saya pelajari, semakin saya merendahkan diri" mencatat loading .92, mengesahkan kekuatan item tersebut dalam mengukur konstruk yang dimaksudkan.

Manakala bagi pembolehubah keberkesanan penggunaan teknologi dalam Bahagian C soal selidik, item-item telah disesuaikan daripada kajian oleh Ansyah (2022) yang menggunakan Model Penerimaan Teknologi (TAM) dalam konteks pendidikan Islam di institusi pengajian tinggi di Indonesia. Ansyah melaporkan bahawa konstruk efikasi sendiri, persepsi kegunaan, kemudahan penggunaan dan penggunaan e-pembelajaran oleh guru menunjukkan nilai AVE melebihi .72 dan CR antara .91 hingga .96, yang menepati syarat kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian sosial kuantitatif. Oleh itu, pemilihan dan adaptasi item dari kedua-dua kajian ini memberikan asas teoritikal dan empirikal yang kukuh bagi instrumen kajian ini. Semua item juga telah ditransformasikan dan disesuaikan dengan konteks pelajar sekolah menengah di Malaysia, khususnya dalam subjek Pendidikan Islam agar kekal relevan, jelas dan mudah difahami oleh responden yang berumur antara 16 hingga 17 tahun.

Sebagai langkah tambahan untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dalam konteks tempatan, satu ujian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar yang mempunyai ciri-ciri sama dengan sampel kajian sebenar. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan SPSS bagi mendapatkan nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha untuk setiap dimensi. Keputusan menunjukkan bahawa semua dimensi mempunyai nilai Alpha melebihi 0.70, yang menepati syarat minimum yang disarankan oleh Hair et al. (2019). Pembolehubah-pembolehubah kajian ini, Psikologi Dakwah dalam Pendidikan Islam telah mencapai nilai Cronbach Alpha 0.945 manakala Keberkesanan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran Pendidikan Islam telah mencapai nilai Cronbach Alpha 0.732. Nilai-nilai ini membuktikan bahawa item-item soal selidik menunjukkan tahap keseragaman dalaman yang tinggi dan konsisten dalam mengukur konstruk masing-masing. Hasil ujian rintis ini bukan sahaja mengesahkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, tetapi juga memastikan bahawa instrumen tersebut sesuai untuk digunakan dalam populasi pelajar sekolah menengah di Terengganu.

4. Analisis Data Dan Hasil Kajian

4.1 Profil Demografi Responden

Profil demografi dalam Jadual 1 menunjukkan sampel seramai seratus orang pelajar yang agak seimbang. Bilangan pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki, iaitu enam puluh peratus berbanding empat puluh peratus. Pembahagian tingkatan turut seimbang, dengan enam puluh pelajar Tingkatan 4 dan empat puluh pelajar Tingkatan 5; hal ini selaras dengan taburan umur, kerana pelajar berusia 16 tahun lazimnya berada di Tingkatan 4 manakala pelajar berusia 17 tahun di Tingkatan 5. Majoriti responden bersekolah di kawasan bandar (67%) manakala selebihnya di luar bandar (33%). Walaupun dominasi bandar mencerminkan tumpuan urbanisasi di Terengganu, penyertaan sepertiga pelajar dari sekolah luar bandar memberi peluang membandingkan latar sosioekonomi dan prasarana pendidikan yang berbeza. Akses terhadap teknologi pembelajaran memperlihatkan gambaran yang positif. 80% memiliki peranti dan capaian internet sendiri, menandakan tahap kesediaan digital yang tinggi dalam kalangan remaja di negeri ini. Baki 20% berkongsi peranti dengan ahli keluarga; situasi ini mungkin menghadkan masa layar serta kebolehan mereka menggunakan platform e-pembelajaran secara optimum. Walau bagaimanapun, kadar akses menyeluruh yang tinggi mengukuhkan

kesesuaian sampel untuk menilai kesan pedagogi berasaskan teknologi dalam Pendidikan Islam, seperti yang menjadi teras kajian ini.

Jadual 1 *Profil Demografi*

Ciri-ciri	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	40	40.0
	Perempuan	60	60.0
Tingkatan	Tingkatan 4	60	60.0
	Tingkatan 5	40	40.0
Umur	16 tahun	60	60.0
	17 tahun	40	40.0
Kawasan Sekolah	Bandar	67	67.0
	Luar Bandar	33	33.0
Akses Kepada Teknologi Pembelajaran	Ya, saya mampu akses internet dan peranti sendiri	80	80.0
	Ya, tetapi saya berkongsi peranti dengan ahli keluarga	20	20.0

4.2 Analisis Kebolehpercayaan

Nilai Cronbach's alpha bagi kedua-dua konstruk berada jauh melebihi ambang 0.70 yang lazim dipakai untuk menandakan kebolehpercayaan dalaman yang baik (Hair et al., 2019). Psikologi Dakwah dalam Pendidikan Islam mencatat 0.911 untuk 32 item, manakala Keberkesanan Penggunaan Teknologi memperoleh 0.872 bagi 18 item. Ia menjamin bahawa variasi skor responden benar-benar mencerminkan perbezaan tahap psikologi dakwah dan persepsi keberkesanan teknologi, bukannya berpunca daripada ketidakkonsistenan instrumen.

4.3 Analisis Normaliti

Kedua-dua konstruk tidak normal. Bagi Psikologi Dakwah, Kolmogorov-Smirnov merekodkan statistik 0.102 ($p=0.012$) dan Shapiro-Wilk 0.931 ($p<0.001$), kedua-duanya signifikan lalu menolak andaian normaliti. Keputusan ini menyokong penggunaan analisis bukan parametrik pada peringkat inferensi: korelasi Spearman's rho untuk hubungan antara konstruk, serta ujian perbezaan kumpulan seperti Mann-Whitney U (dua kumpulan: jantina, lokasi, akses) atau Kruskal-Wallis (jika lebih dua kumpulan).

4.4 Dapatan Kajian

4.5 Menilai tahap psikologi dakwah dalam kalangan pelajar Tingkatan Atas di Sekolah Menengah Kebangsaan (Persoalan Kajian 1)

Dapatan Jadual 1 menggambarkan bahawa kepercayaan asas tauhid dan keagungan Allah SWT telah kukuh dalam diri pelajar. Lebih 90 peratus responden menyatakan persetujuan atau persetujuan kuat bahawa Allah kekal abadi, tiada yang menyerupai-Nya, serta sentiasa hadir dalam kehidupan mereka. Kekukuhan akidah ini turut tercermin pada keyakinan bahawa Allah Maha Berkuasa dan penyayang; walaupun 12 hingga 14 peratus pelajar masih ragu-ragu pada item kuasa Ilahi, majoriti besar kekal mantap dalam fahaman asas. Corak ini menunjukkan bahawa dimensi kognitif psikologi dakwah, iaitu kefahaman terhadap konsep ketuhanan, telah terbentuk dengan baik di kalangan pelajar Tingkatan Atas. Keyakinan terhadap Rasul-rasul dan contoh teladan Nabi Muhammad SAW juga sangat memberangsangkan. Hampir enam puluh peratus pelajar "Sangat Setuju" bahawa akhlak Baginda sepenuhnya selari dengan al-Quran, dan hampir sama banyak mengatakan mereka mencintai semua Nabi serta mengikuti sunnah dalam kehidupan harian. Respons positif melebihi 80 peratus pada item mengenai kebijaksanaan dan nilai kemanusiaan para Nabi menunjukkan kesedaran sejarah kenabian yang mendalam. Nilai-nilai inilah yang memperkukuh aspek afektif psikologi dakwah, menandakan pelajar bukan sekadar mengenali fakta agama tetapi menzahirkan rasa hormat, cinta dan keinginan mencontohi peribadi mulia Rasul.

Aspek regulasi diri dan pembangunan rohani turut memaparkan tahap yang tinggi, namun dengan sedikit variasi. Lebih separuh pelajar "Sangat Setuju" bahawa mereka bersyukur, reda, dan berfikiran positif, manakala hampir separuh lagi giat menyeimbangkan urusan dunia-akhirat serta mengelak larangan kerana takut azab. Walau begitu, antara 16 hingga 24 peratus kekal neutral pada item yang memerlukan amalan konsisten, seperti mengutamakan akal berbanding nafsu atau merendah diri apabila ilmu bertambah. Data ini mencadangkan sebahagian pelajar masih berada pada tahap pertumbuhan rohani di mana kesedaran sudah ada, tetapi disiplin

kendiri untuk mempraktikkan nilai Islam memerlukan pengukuhan sistematik melalui bimbingan guru dan program ko-kurikulum. Dimensi amal sosial dan kebajikan memperlihatkan pola tinggi tetapi kurang menyeluruh berbanding komponen akidah. Sekitar 60 peratus pelajar “Sangat Setuju” bahawa mereka membantu rakan, menyemai toleransi, menabung untuk haji, dan membaca al-Quran meskipun sibuk. Namun hanya 49 peratus benar-benar komited memperuntukkan wang tahunan untuk kebajikan, sementara 10 hingga 20 peratus bersikap neutral terhadap aktiviti sedekah. Perbezaan ini menandakan cabaran menterjemah kesedaran spiritual ke dalam tindakan kebajikan konkret, satu jurang amal yang wajar diberi perhatian dalam intervensi pendidikan Islam. Secara keseluruhannya, tahap psikologi dakwah responden berada pada aras tinggi merentasi semua domain, tetapi aspek praktikal seperti sedekah dan pembacaan al-Quran harian menawarkan ruang penambahbaikan supaya nilai dakwah dapat dihayati secara lebih holistik.

Jadual 1 *Tahap Psikologi Dakwah dalam Pendidikan Islam dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Atas di Sekolah Menengah Kebangsaan*

Bil	Item	STS	TS	N	S	SS
1	Saya percaya bahawa Allah SWT itu kekal abadi dan tiada permulaan atau pengakhiran.	3 (3.0 %)	2 (2.0%)	4 (4.0%)	20 (20.0%)	71 (71.0%)
2	Saya yakin dengan konsep Tauhid iaitu Allah Maha Esa dan tiada sesuatu pun yang serupa dengan-Nya.	3 (3.0 %)	3 (3.0 %)	6 (6.0 %)	30 (30.0 %)	58 (58.0 %)
3	Saya benar-benar merasakan kehadiran Allah SWT pada setiap masa dalam hidup saya.	2 (2.0 %)	4 (4.0 %)	11 (11.0 %)	26 (26.0 %)	17 (17.0 %)
4	Saya yakin bahawa Allah SWT Maha Berkuasa atas segala sesuatu di dunia dan akhirat.	12 (12.0 %)	14 (14.0 %)	31 (31.0 %)	26 (26.0 %)	17 (17.0 %)
5	Saya mengetahui bahawa Allah SWT menyayangi semua makhluk-Nya tanpa mengira bangsa, warna kulit, atau asal-usul.	2 (2.0 %)	1 (1.0 %)	9 (9.0 %)	31 (31.0 %)	57 (57.0 %)
6	Saya yakin bahawa semua Nabi dan Rasul membawa berita gembira serta amaran kepada umat manusia.	2 (2.0 %)	3 (3.0 %)	11 (11.0 %)	27 (27.0 %)	57 (57.0 %)
7	Saya sedar bahawa para Nabi sentiasa mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan dalam kehidupan mereka.	1 (1.0 %)	3 (3.0 %)	10 (10.0 %)	30 (30.0 %)	56 (56.0 %)
8	Saya percaya bahawa para Nabi menggunakan pendekatan yang penuh hikmah untuk menyampaikan ajaran tentang Allah.	2 (2.0 %)	2 (2.0 %)	10 (10.0 %)	25 (25.0 %)	61 (61.0 %)
9	Saya percaya bahawa akhlak Nabi Muhammad SAW selaras sepenuhnya dengan ajaran al-Quran.	1 (1.0 %)	1 (1.0 %)	8 (8.0 %)	30 (30.0 %)	60 (60.0 %)
10	Saya mencintai semua Nabi yang diutuskan oleh Allah SWT.	1 (1.0 %)	1 (1.0 %)	13 (13.0 %)	25 (25.0 %)	60 (60.0 %)

11	Saya sentiasa berusaha menjalani kehidupan seharian mengikut ajaran Islam sepenuhnya.	4 (4.0 %)	4 (4.0 %)	9 (9.0 %)	33 (33.0 %)	50 (50.0 %)
12	Seluruh pandangan hidup saya adalah berteraskan prinsip-prinsip Islam.	2 (2.0 %)	1 (1.0 %)	14 (14.0 %)	29 (29.0 %)	57 (57.0 %)
13	Saya sentiasa mengikut sunnah dan ajaran Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan seharian.	1 (1.0 %)	3 (3.0 %)	10 (10.0 %)	29 (29.0 %)	57 (57.0 %)
14	Saya sentiasa berfikiran positif terhadap diri sendiri dan yakin dengan rahmat Allah SWT.	2 (2.0 %)	3 (3.0 %)	12 (12.0 %)	30 (30.0 %)	53 (53.0 %)
15	Saya sentiasa berusaha menyeimbangkan urusan dunia dan akhirat sebagaimana dianjurkan oleh Nabi Muhammad SAW.	4 (4.0 %)	0 (0.0 %)	16 (16.0 %)	33 (33.0 %)	47 (47.0 %)
16	Saya mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan yang dilarang kerana takut akan azab di akhirat.	2 (2.0 %)	3 (3.0 %)	12 (12.0 %)	32 (32.0 %)	51 (51.0 %)
17	Semakin banyak ilmu agama yang saya pelajari, semakin saya merendah diri.	1 (1.0 %)	2 (2.0 %)	11 (11.0 %)	29 (29.0 %)	57 (57.0 %)
18	Saya berusaha mengajar ahli keluarga saya tentang keagungan dan kebesaran Allah SWT.	2 (2.0 %)	3 (3.0 %)	6 (6.0 %)	29 (29.0 %)	60 (60.0 %)
19	Saya berasa sangat bersalah jika melakukan perkara yang dilarang, walaupun orang lain juga melakukannya.	3 (3.0 %)	3 (3.0 %)	12 (12.0 %)	36 (36.0 %)	46 (46.0 %)
20	Saya berusaha mengutamakan akal (aql) dalam membuat keputusan berbanding nafsu (nafs).	3 (3.0 %)	3 (3.0 %)	24 (24.0 %)	30 (30.0 %)	40 (40.0 %)
21	Saya sentiasa bersyukur dan reda dengan segala rezeki serta ketentuan Allah SWT dalam hidup saya.	1 (1.0 %)	2 (2.0 %)	13 (13.0 %)	36 (36.0 %)	48 (48.0 %)
22	Mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah saya menggalakkan amalan ibadah secara praktikal bersama rakan-rakan.	4 (4.0 %)	1 (1.0 %)	20 (20.0 %)	33 (33.0 %)	42 (42.0 %)
23	Terdapat toleransi dan semangat saling menghormati antara pelajar pelbagai latar belakang di sekolah saya.	1 (1.0 %)	2 (2.0 %)	6 (6.0 %)	30 (30.0 %)	61 (61.0 %)
24	Saya mempunyai amalan disiplin dalam pembelajaran harian di sekolah.	1 (1.0 %)	3 (3.0 %)	11 (11.0 %)	25 (25.0 %)	60 (60.0 %)
25	Saya menghargai rakan-rakan semasa bergaul di sekolah serta menjaga adab persahabatan.	3 (3.0 %)	0 (0.0 %)	11 (11.0 %)	25 (25.0 %)	61 (61.0 %)

26	Saya dan rakan-rakan sering saling membantu dan menasihati dalam perkara kebaikan di sekolah.	2 (2.0 %)	2 (2.0 %)	9 (9.0 %)	28 (28.0 %)	59 (59.0 %)
27	Saya meluangkan masa untuk membaca ayat-ayat al-Quran walaupun jadual saya sibuk.	3 (3.0 %)	1 (1.0 %)	17 (17.0 %)	31 (31.0 %)	48 (48.0 %)
28	Saya memastikan keluarga saya mengamalkan sunnah Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan harian.	1 (1.0 %)	2 (2.0 %)	13 (13.0 %)	28 (28.0 %)	56 (56.0 %)
29	Saya telah mula menabung sejak awal sebagai persediaan untuk menunaikan ibadah haji.	2 (2.0 %)	1 (1.0 %)	11 (11.0 %)	25 (25.0 %)	61 (61.0 %)
30	Saya sentiasa mencari peluang untuk mendalami ilmu Islam bersama keluarga saya.	2 (2.0 %)	6 (6.0 %)	5 (5.0 %)	31 (31.0 %)	56 (56.0 %)
31	Saya sentiasa berusaha mencari peluang untuk memberi sedekah kepada yang memerlukan.	3 (3.0 %)	5 (5.0 %)	6 (6.0 %)	31 (31.0 %)	55 (55.0 %)
32	Saya memperuntukkan sebahagian wang untuk tujuan kebajikan atau amal setiap tahun.	4 (4.0 %)	6 (6.0 %)	10 (10.0 %)	31 (31.0 %)	49 (49.0 %)

Min keseluruhan 4.29 bagi konstruk Psikologi Dakwah, pada skala Likert lima mata, menunjukkan bahawa pelajar Tingkatan Atas secara purata berada di julat "Setuju" hampir ke "Sangat Setuju" terhadap pernyataan-pernyataan akidah, spiritualiti, personaliti Islam dan amalan sosial yang diukur. Skor setinggi ini mengesahkan dapatan terperinci Jadual 2, iaitu keyakinan teologi mereka kukuh, penghargaan terhadap sunnah Nabi tinggi, dan dorongan mempraktikkan nilai Islam sudah mantap. Nilai min yang melepasi ambang 4.00 lazim ditafsir sebagai tahap yang "tinggi" dalam literatur pengukuran sikap, sekali gus menjustifikasi kesimpulan bahawa populasi ini memiliki asas psikologi dakwah yang kuat untuk disepadukan dengan pendekatan pengajaran digital Pendidikan Islam. Sisihan piawai 0.48 pula memperlihatkan variasi respons yang rendah-sederhana dalam kalangan sampel, menandakan kebanyakan pelajar berkongsi pandangan yang hampir seragam tentang aspek-aspek dakwah yang diuji.

Jadual 2 Min dan Sisihan Piawai Pembolehubah Psikologi Dakwah dalam Pendidikan Islam

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai
Psikologi Dakwah dalam Pendidikan Islam dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Atas di Sekolah Menengah Kebangsaan	4.29	0.479

4.6 Menilai persepsi pelajar terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam (Persoalan Kajian 2)

Hampir semua pelajar mempamerkan kecekapan asas yang tinggi dalam literasi digital; lebih 90 peratus "Setuju" atau "Sangat Setuju" bahawa mereka mampu mencari serta membuka fail, memuat naik bahan, dan mengendalikan dokumen tugas tanpa bantuan. Walaupun kemahiran lanjutan seperti penyuntingan grafik menunjukkan sedikit kadar neutral atau tidak setuju (sekitar 22 peratus gabungan STS, TS dan N). Corak ini menggambarkan bahawa prasyarat teknikal, iaitu kebolehan pelajar mengakses dan memanipulasi teknologi, sudah kukuh untuk menyokong strategi e-pembelajaran dalam Pendidikan Islam.

Dari segi persepsi kegunaan dan kemudahan, responden menilai sistem pembelajaran dalam talian yang digunakan guru sebagai sangat bermanfaat. Sebahagian besar bersetuju bahawa platform tersebut

meningkatkan pemahaman, memudahkan proses pembelajaran dan tidak membebankan usaha mental mereka. Sikap pelajar terhadap impak lebih luas e-pembelajaran turut memberangsangkan. Lebih separuh percaya penggunaan teknologi oleh guru mampu meningkatkan prestasi mereka, menambah kecekapan pengajaran, menjimatkan kos institusi, serta menjadikan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan. Kecenderungan pelajar membaca bahan melalui platform digital, dengan 74 peratus persetujuan, mengisyaratkan peralihan jelas daripada medium bercetak. Keseluruhannya, taburan respons menegaskan bahawa tahap penerimaan dan keyakinan pelajar terhadap keberkesanan penggunaan teknologi dalam pengajaran Pendidikan Islam adalah tinggi. (Rujuk jadual 3).

Jadual 3 *Persepsi Pelajar terhadap Keberkesanan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran Pendidikan Islam*

Bil	Item	STS	TS	N	S	SS
1	Saya yakin boleh mencari dan membuka fail di komputer tanpa bantuan orang lain.	2 (2.0 %)	3 (3.0 %)	5 (5.0 %)	30 (30.0 %)	60 (60.0 %)
2	Saya mampu mengedit gambar digital atau imej grafik menggunakan perisian komputer.	3 (3.0 %)	4 (4.0 %)	15 (15.0 %)	28 (28.0 %)	50 (50.0 %)
3	Saya boleh mencipta atau mengedit dokumen seperti tugas sekolah menggunakan komputer.	2 (2.0 %)	7 (7.0 %)	18 (18.0 %)	25 (25.0 %)	48 (48.0 %)
4	Saya boleh mencari dan mendapatkan maklumat yang diperlukan di Internet secara sendiri.	5 (5.0 %)	6 (6.0 %)	11 (11.0 %)	28 (28.0 %)	50 (50.0 %)
5	Saya yakin boleh memuat naik teks, gambar, atau video ke profil dalam talian (seperti Google Classroom atau media sosial).	3 (3.0 %)	7 (7.0 %)	13 (13.0 %)	34 (34.0 %)	43 (43.0 %)
6	Saya percaya penggunaan sistem pembelajaran dalam talian akan meningkatkan pemahaman saya terhadap subjek Pendidikan Islam.	1 (1.0 %)	4 (4.0 %)	17 (17.0 %)	29 (29.0 %)	49 (49.0 %)
7	Saya merasakan penggunaan sistem pembelajaran dalam talian memudahkan pembelajaran saya dalam Pendidikan Islam.	3 (3.0 %)	5 (5.0 %)	22 (22.0 %)	36 (36.0 %)	34 (34.0 %)
8	Secara keseluruhan, saya dapati penggunaan sistem pembelajaran dalam talian sangat berguna dalam pembelajaran Pendidikan Islam.	2 (2.0 %)	6 (6.0 %)	14 (14.0 %)	30 (30.0 %)	48 (48.0 %)
9	Saya percaya penggunaan sistem pembelajaran dalam talian menjadikan saya lebih berkesan dalam pembelajaran Pendidikan Islam.	1 (1.0 %)	4 (4.0 %)	18 (18.0 %)	32 (32.0 %)	45 (45.0 %)
10	Saya mendapati sistem pembelajaran dalam talian yang digunakan oleh guru mudah difahami dan jelas.	5 (5.0 %)	4 (4.0 %)	16 (16.0 %)	42 (42.0 %)	33 (33.0 %)
11	Saya rasa penggunaan sistem pembelajaran dalam talian tidak memerlukan usaha mental yang tinggi.	4 (4.0 %)	4 (4.0 %)	15 (15.0 %)	39 (39.0 %)	38 (38.0 %)

12	Saya mendapati sistem pembelajaran dalam talian yang digunakan oleh guru sangat mudah digunakan dalam kelas Pendidikan Islam.	2 (2.0 %)	5 (5.0 %)	8 (8.0 %)	48 (48.0 %)	37 (37.0 %)
13	Saya percaya penggunaan e-pembelajaran oleh guru dapat meningkatkan kualiti pembelajaran saya.	4 (4.0 %)	10 (10.0 %)	13 (13.0 %)	35 (35.0 %)	38 (38.0 %)
14	Saya yakin penggunaan teknologi e-pembelajaran oleh guru dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam Pendidikan Islam.	4 (4.0 %)	4 (4.0 %)	6 (6.0 %)	32 (32.0 %)	54 (54.0 %)
15	Penggunaan e-pembelajaran akan meningkatkan kecekapan guru dalam menyampaikan pelajaran.	4 (4.0 %)	3 (3.0 %)	19 (19.0 %)	32 (32.0 %)	42 (42.0 %)
16	Saya berpendapat bahawa penggunaan e-pembelajaran sangat menjimatkan kos kepada institusi pendidikan.	3 (3.0 %)	5 (5.0 %)	13 (13.0 %)	39 (39.0 %)	40 (40.0 %)
17	Penggunaan komputer dalam pembelajaran menjadikan proses belajar lebih menarik dan menyeronokkan.	4 (4.0 %)	4 (4.0 %)	13 (13.0 %)	34 (34.0 %)	45 (45.0 %)
18	Saya lebih suka membaca artikel atau bahan pembelajaran melalui platform e-pembelajaran berbanding bahan bercetak.	4 (4.0 %)	9 (9.0 %)	13 (13.0 %)	37 (37.0 %)	37 (37.0 %)

Min keseluruhan 4.10 menempatkan persepsi pelajar pada julat "Setuju" yang kukuh bahawa teknologi yang digunakan guru sememangnya berkesan dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Skor melebihi ambang 4.00 pada skala Likert lima mata lazimnya ditafsirkan sebagai tahap penerimaan dan keyakinan yang tinggi, mengesahkan dapatan terperinci Jadual 4 tentang kemudahan penggunaan, peningkatan pemahaman dan keseronokan pembelajaran digital. Hal ini menunjukkan bahawa inisiatif e-pembelajaran guru, sama ada melalui Google Classroom, kuiz interaktif ataupun video, berjaya memenuhi jangkaan pelajar terhadap kejelasan, kegunaan dan kemudahan, sekali gus menyokong keberkesanan pedagogi berasaskan teknologi di sekolah menengah. Namun sisihan piawai 0.58, sedikit lebih tinggi berbanding konstruk psikologi dakwah, menandakan terdapat variasi sederhana dalam pengalaman pelajar. Walaupun majoriti menilai teknologi sebagai berkesan, sebilangan responden masih neutral atau kurang yakin, mungkin disebabkan perbezaan kemahiran digital, kualiti sambungan internet, atau gaya pengajaran guru yang tidak seragam. Variasi ini memberi petunjuk penting bahawa program pembangunan profesional guru dan peningkatan infrastruktur teknologi perlu diperkasa secara berterusan agar semua pelajar, sama ada di bandar mahupun luar bandar, dapat menikmati pengalaman pembelajaran digital yang konsisten dan setara.

Jadual 4 Min dan Sisihan Piawai Pembolehubah Keberkesanan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran Pendidikan Islam

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai
Keberkesanan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran Pendidikan Islam	4.1033	0.57557

4.7 Menganalisis hubungan antara psikologi dakwah pelajar dengan persepsi mereka terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam (Persoalan Kajian 3)

Dapatan menunjukkan hubungan positif yang jelas antara kedua-dua konstruk: pekali Spearman's rho (ρ) = 0.521 dengan $p < 0.001$ (dua hala; $N = 100$). Magnitud ρ sekitar 0.52 lazimnya ditafsir sebagai sederhana ke arah kuat, menandakan bahawa semakin tinggi persepsi pelajar terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh

guru, semakin tinggi juga tahap psikologi dakwah mereka. Penggunaan Spearman adalah tepat memandangkan data tidak menepati normaliti; ia menilai hubungan monotonik berdasarkan susunan kedudukan (ranks), sekali gus lebih teguh terhadap pencilan dan taburan yang condong. Secara praktikal, dapatan ini mencadangkan bahawa strategi e-pembelajaran yang pelajar rasakan jelas, mudah dan berguna, seperti tugas digital berstruktur, kuiz interaktif, atau bahan video, berkait rapat dengan pengukuhan keyakinan, sikap, dan amalan dakwah dalam kalangan pelajar Tingkatan Atas. Walau bagaimanapun, korelasi tidak membuktikan sebab-akibat; faktor lain seperti sokongan keluarga, budaya sekolah, atau pendedahan kokurikulum Islamik boleh turut menyumbang. Justeru, keputusan ini menyokong objektif kajian bahawa persepsi positif terhadap pedagogi digital berkaitan dengan tahap psikologi dakwah yang lebih tinggi, sambil membuka ruang untuk analisis susulan.

4.8 Menilai perbezaan tahap psikologi dakwah dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor demografi seperti jantina, umur, lokasi sekolah, dan tahap akses kepada teknologi pembelajaran (Persoalan Kajian 4)

Dapatan menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan tahap Psikologi Dakwah antara pelajar lelaki ($n = 40$, pangkat min = 54.36; jumlah pangkat = 2174.50) dan perempuan ($n = 60$, pangkat min = 47.93; jumlah pangkat = 2875.50), berdasarkan ujian Mann-Whitney U yang sesuai digunakan kerana skor komposit tidak normal ($U = 1045.50$, $Z = -1.09$, $p = .277$, dua hala). Walaupun pangkat min lelaki sedikit lebih tinggi, saiz kesan $r = .11$ adalah kecil, menandakan perbezaan ini tidak bermakna dari sudut praktikal dan berkemungkinan berlaku akibat variasi sampel semata-mata. Secara implikasi, tahap psikologi dakwah dalam kalangan pelajar adalah relatif setara merentas jantina, maka intervensi atau pengayaan kurikulum Pendidikan Islam boleh dirangka secara neutral jantina tanpa keperluan penyesuaian khusus untuk lelaki atau perempuan.

Juga tiada perbezaan signifikan tahap Psikologi Dakwah antara pelajar berumur 16 tahun ($n = 60$, pangkat min = 52.78; jumlah pangkat = 3167.00) dan 17 tahun ($n = 40$, pangkat min = 47.08; jumlah pangkat = 1883.00) berdasarkan ujian Mann-Whitney U ($U = 1063.00$, $Z = -0.965$, $p = .335$, dua hala). Dapatan ini mencadangkan bahawa tahap psikologi dakwah adalah relatif setara merentas umur 16-17 tahun, seiring dengan pendedahan kurikulum dan pengalaman pembelajaran yang hampir sama di Tingkatan 4 dan 5; justeru, intervensi Pendidikan Islam boleh dilaksanakan secara seragam mengikut kohort tanpa keperluan penyesuaian khusus berasaskan umur. Tiada perbezaan signifikan tahap Psikologi Dakwah antara pelajar sekolah bandar ($n = 67$, pangkat min = 49.42; jumlah pangkat = 3311.00) dan luar bandar ($n = 33$, pangkat min = 52.70; jumlah pangkat = 1739.00) berdasarkan ujian Mann-Whitney U ($U = 1033.00$, $Z = -0.532$, $p = .595$, dua hala). Meskipun pelajar luar bandar mencatat pangkat min sedikit lebih tinggi, saiz kesan $r = .05$ adalah sangat kecil, menandakan perbezaan yang diperhatikan tidak bermakna secara praktikal dan berkemungkinan disebabkan variasi sampel. Secara implikasi, tahap psikologi dakwah adalah relatif setara merentasi konteks geografi, menyokong bahawa kurikulum dan pendekatan pengajaran Pendidikan Islam semasa memberikan kesan yang konsisten di sekolah bandar mahupun luar bandar tanpa memerlukan penyesuaian khusus mengikut lokasi.

Didapati tiada perbezaan signifikan tahap Psikologi Dakwah antara pelajar yang mempunyai akses sendiri kepada internet dan peranti ($n = 80$, pangkat min = 47.89; jumlah pangkat = 3831.00) dan pelajar yang berkongsi peranti dengan ahli keluarga ($n = 20$, pangkat min = 60.95; jumlah pangkat = 1219.00), berdasarkan ujian Mann-Whitney U ($U = 591.00$, $Z = -1.802$, $p = .072$, dua hala; $r = .18$, kecil). Walaupun kumpulan berkongsi peranti menunjukkan pangkat min yang lebih tinggi, mengisyaratkan kecenderungan skor Psikologi Dakwah yang sedikit lebih baik, perbezaan ini tidak mencapai aras signifikan .05 dan saiz kesannya kecil, justeru tidak bermakna secara praktikal. Dapatan ini mencadangkan bahawa tahap psikologi dakwah pelajar tidak bergantung secara langsung pada tahap akses teknologi; sebaliknya, faktor lain seperti bimbingan guru, sokongan keluarga, serta budaya sekolah berkemungkinan lebih dominan dalam membentuk hasil tersebut.

4.9 Ujian Hipotesis

Jadual 5 menjelaskan H1 diterima dengan nilai- $p < 0.001$, sekali gus membuktikan wujud hubungan positif yang signifikan antara psikologi dakwah pelajar dan persepsi mereka terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam. Selaras dengan analisis korelasi Spearman yang dilaporkan ($\rho \approx 0.52$), semakin tinggi pelajar menilai teknologi guru sebagai jelas, mudah dan berguna, semakin tinggi juga tahap keyakinan, sikap dan kecenderungan amali dakwah mereka. Dapatan ini menyokong fokus pedagogi digital dalam Pendidikan Islam, namun perlu diingat bahawa korelasi menunjukkan perkaitan, bukan sebab-akibat, dan faktor lain seperti budaya sekolah atau sokongan keluarga mungkin turut berperanan.

Sebaliknya, H2 tidak diterima. Ujian Mann-Whitney U bagi empat pembahagian demografi menunjukkan tiada perbezaan signifikan tahap psikologi dakwah antara jantina ($p = 0.277$), umur 16 vs 17 tahun ($p = 0.335$), lokasi sekolah bandar vs luar bandar ($p = 0.595$), dan tahap akses teknologi ($p = 0.072$). Semua saiz kesan adalah kecil (sekitar $r = .05-.18$), menandakan variasi yang diperhatikan adalah kecil dan berkemungkinan bersifat sampel semata-mata. Implikasinya, tahap psikologi dakwah pelajar relatif seragam merentasi demografi utama, maka

intervensi kurikulum dan sokongan pembelajaran boleh dirangka secara menyeluruh tanpa keperluan penyesuaian khusus mengikut jantina, umur atau lokasi, walaupun pemantauan berterusan wajar diteruskan, khususnya terhadap kumpulan yang berkongsi peranti kerana trend ($p = 0.072$) hampir kepada signifikan.

Jadual 5 Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis

Hipotesis	P-value	Keputusan
H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara psikologi dakwah pelajar dan persepsi mereka terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam.	<0.001	Diterima
H2a: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap psikologi dakwah dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor demografi seperti jantina.	0.277	Tidak Diterima
H2b: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap psikologi dakwah dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor demografi seperti umur.	0.335	Tidak Diterima
H2c: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap psikologi dakwah dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor demografi seperti lokasi sekolah.	0.595	Tidak Diterima
H2d: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap psikologi dakwah dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor demografi seperti tahap akses kepada teknologi pembelajaran.	0.072	Tidak Diterima

5. PERBINCANGAN

5.1 Tahap psikologi dakwah dalam kalangan pelajar

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap psikologi dakwah dalam kalangan pelajar Tingkatan Atas berada pada tahap tinggi dengan min keseluruhan 4.29 dan sisihan piawai 0.48 pada skala Likert lima mata. Keputusan ini mencerminkan kekuatan dalaman pelajar dalam aspek akidah, spiritualiti, persekitaran sosial dan personaliti Islam, selaras dengan kerangka Model IRPS oleh Nuriman dan Ibrahim (2020) yang menekankan peranan religiositi dan spiritualiti dalam pembentukan personaliti dakwah pelajar. Majoriti pelajar menyatakan keyakinan tinggi terhadap keesaan Allah SWT, keagungan para Nabi, serta amalan sunnah, menunjukkan kekuatan dimensi religiositi Islam. Hampir 90 peratus pelajar menunjukkan tahap persetujuan tinggi terhadap kenyataan berkaitan kepercayaan kepada Tauhid, rahmat Allah dan kasih terhadap Nabi Muhammad SAW. Hasil ini sejajar dengan dapatan Jusof dan Samaeng (2025) yang menegaskan bahawa sistem kepercayaan yang kukuh terhadap Allah dan Nabi menjadi asas kepada motivasi pelajar untuk menerima bimbingan dakwah dan mengekalkan sikap positif terhadap pembelajaran agama. Tahap ini juga membayangkan bahawa Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan, terutamanya di Terengganu, telah berjaya membina asas kognitif dan afektif yang kukuh dalam kalangan pelajar Muslim remaja, khususnya berkaitan aspek kepercayaan dan penghormatan terhadap ajaran Islam.

Dari aspek spiritualiti Islam, dapatan menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kesedaran dalaman yang kuat terhadap hubungan dengan Allah SWT, serta menzahirkan perasaan bersalah apabila melanggar ajaran agama dan berusaha menyeimbangkan urusan duniawi dan ukhrawi. Sekitar 80 peratus pelajar menunjukkan persetujuan kuat terhadap kenyataan seperti "Saya sentiasa bersyukur dan reda dengan ketentuan Allah" dan "Saya mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang dilarang kerana takut azab akhirat". Penemuan ini menunjukkan bahawa unsur spiritualiti sebagai dimensi afektif dan reflektif telah terbentuk secara signifikan dalam diri pelajar. Dapatan ini memperkukuh penemuan Kahfi dan Mahmudi (2024) yang mendapati bahawa pelajar yang terdedah kepada bahan dakwah digital dan pengajaran agama melalui pendekatan moden menunjukkan kesedaran rohani yang lebih mantap. Walaupun terdapat kira-kira 15 hingga 20 peratus pelajar yang bersikap neutral terhadap item seperti merendah diri apabila ilmu bertambah atau keutamaan akal berbanding nafsu, dapatan tetap menunjukkan bahawa tahap spiritualiti adalah tinggi secara keseluruhan.

Variasi ini mungkin mencerminkan peringkat pembangunan rohani yang berbeza dalam kalangan pelajar remaja, yang masih dalam proses pematangan emosi dan identiti agama. Sehubungan itu, hasil ini mengesahkan bahawa spiritualiti pelajar sekolah menengah mampu dibina secara konsisten melalui bimbingan yang bersepadu antara pendidikan formal dan persekitaran dakwah yang menyeluruh.

Dimensi persekitaran sosial Islam juga menunjukkan kesan positif yang ketara dalam membentuk psikologi dakwah pelajar. Majoriti responden menyatakan bahawa mereka menghargai semangat saling menghormati antara rakan, mengamalkan ibadah secara berkumpulan, serta sering menasihati rakan dalam perkara kebaikan. Hal ini selari dengan dapatan Fauzi dan Baharuddin (2023) yang menyatakan bahawa persekitaran sosial yang menekankan nilai Islam dapat memperkukuh penerimaan pelajar terhadap ajaran agama. Kajian ini turut mendapati bahawa sekolah yang memupuk suasana dakwah, dengan penglibatan rakan sebaya dan budaya sekolah yang mendorong amalan Islam, berupaya mewujudkan iklim pembelajaran yang positif. Dalam kajian ini, persekitaran sosial yang membina turut menyumbang kepada penyerapan nilai dakwah dalam diri pelajar, seperti yang ditunjukkan dalam respons terhadap item seperti "Saya dan rakan-rakan sering saling membantu dan menasihati dalam perkara kebaikan". Hal ini juga menyokong kerangka IRPS, di mana persekitaran sosial berfungsi sebagai perantara yang mengukuhkan hubungan antara religiositi dan pembentukan personaliti Islam (Nuriman & Ibrahim, 2020). Dapatan ini membuktikan bahawa sokongan sosial dan budaya sekolah yang selari dengan nilai dakwah memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah pelajar, khususnya di sekolah menengah yang mempunyai asas keagamaan yang kuat seperti di Terengganu.

Namun begitu, walaupun dimensi personaliti Islam menunjukkan tahap tinggi secara keseluruhan, masih terdapat aspek yang memerlukan perhatian, khususnya dalam mengamalkan nilai kebajikan secara konsisten. Item seperti "Saya memperuntukkan sebahagian wang untuk tujuan kebajikan atau amal setiap tahun" hanya mendapat persetujuan tinggi daripada sekitar 49 peratus responden, manakala kira-kira 20 peratus kekal neutral. Walaupun item lain seperti pembacaan al-Quran dan niat menabung untuk ibadah haji menunjukkan komitmen positif, variasi ini mencadangkan bahawa nilai-nilai dakwah praktikal seperti bersedekah masih belum sepenuhnya sebatu dalam tindakan harian pelajar. Penemuan ini sejajar dengan kajian oleh Othman et al. (2023) yang mendapati bahawa pelajar yang memiliki penghayatan akhlak Islam yang tinggi lebih bersedia menerima pendekatan pengajaran yang inovatif dan spiritual, namun masih memerlukan bimbingan berterusan untuk mengamalkannya dalam bentuk tindakan sosial. Kajian oleh Abd Karim (2025) turut menekankan bahawa pendekatan dakwah yang empatik dan bersifat nilai perlu diterapkan secara menyeluruh agar pelajar lebih terdorong untuk menzahirkan nilai spiritual melalui tindakan kebajikan dan tanggungjawab sosial. Justeru, walaupun personaliti Islam pelajar berada pada tahap tinggi, perlu ada penekanan strategik dalam membina amalan dakwah yang bersifat praktikal dan berterusan, bukan hanya bersifat teori atau emosional semata-mata.

Secara keseluruhannya, penemuan kajian ini mengesahkan bahawa tahap psikologi dakwah pelajar Tingkatan Atas berada pada tahap tinggi, dengan kekuatan paling ketara pada dimensi akidah, kepercayaan terhadap Rasulullah SAW dan kesedaran spiritual. Kesimpulan ini disokong oleh literatur terdahulu yang menegaskan bahawa pelajar dengan asas religiositi yang mantap lebih terbuka kepada nilai dakwah dan lebih mudah menerima pendekatan pembelajaran yang berasaskan nilai Islam (Nuriman & Ibrahim, 2020; Jusof & Samaeng, 2025). Namun, aspek amalan kebajikan dan konsistensi dalam penghayatan sunnah masih memerlukan pemantauan dan pengukuhan, khususnya melalui pendekatan pengajaran yang lebih interaktif dan membina pengalaman rohani pelajar secara berterusan. Dengan itu, pelaksanaan strategi pendidikan Islam yang holistik perlu menyeimbangkan antara pengukuhan nilai dalaman dan pembangunan tindakan amal agar pelajar bukan sahaja memahami tetapi juga mengamalkan nilai dakwah dalam kehidupan harian. Hasil ini memberikan asas kukuh kepada perbincangan dalam persoalan kajian kedua, iaitu bagaimana persepsi pelajar terhadap penggunaan teknologi oleh guru boleh menyokong atau melemahkan perkembangan psikologi dakwah ini dalam konteks bilik darjah Pendidikan Islam.

5.2 Persepsi pelajar terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar Tingkatan Atas di Sekolah Menengah Kebangsaan mempunyai persepsi yang tinggi terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam, dengan min keseluruhan 4.10 dan sisihan piawai 0.58. Keputusan ini menunjukkan bahawa pelajar secara umum menerima penggunaan teknologi sebagai medium yang memudahkan pembelajaran, meningkatkan kefahaman dan menjadikan pengalaman pembelajaran lebih menarik. Pelajar menunjukkan keyakinan terhadap kemahiran sendiri mereka menggunakan teknologi, seperti mencari maklumat, memuat naik bahan digital, dan mengendalikan tugas melalui komputer. Lebih 80 peratus daripada responden bersetuju bahawa mereka berupaya mengurus pembelajaran menggunakan platform digital secara bebas. Penemuan ini selari dengan Model TAM yang menekankan peranan efikasi sendiri dalam membentuk penerimaan terhadap sistem pembelajaran digital (Ansyah, 2022). Meskipun terdapat variasi kecil dari segi kemahiran penyuntingan grafik atau penggunaan aplikasi khusus, data membuktikan bahawa pelajar mempunyai tahap literasi digital asas yang cukup untuk menyokong strategi pedagogi berasaskan teknologi dalam subjek Pendidikan Islam. Penemuan ini

juga memperlihatkan bahawa pelajar sekolah menengah kini sudah berada dalam keadaan sedia digital, dan guru perlu terus membangunkan bahan dan aktiviti yang relevan dengan kebolehan pelajar tersebut.

Dimensi persepsi terhadap kegunaan teknologi juga memperlihatkan hasil yang positif, di mana pelajar bersetuju bahawa teknologi yang digunakan guru memudahkan pemahaman dan meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Hampir 80 peratus responden menyatakan bahawa sistem pembelajaran dalam talian seperti Google Classroom, Kuizizz dan YouTube membantu mereka memahami kandungan Pendidikan Islam dengan lebih baik. Dapatan ini mengesahkan kajian Ashari et al. (2023) yang menekankan bahawa penggunaan teknologi yang bermanfaat dan mesra pengguna mampu meningkatkan keterlibatan pelajar serta memperluas akses kepada sumber pembelajaran. Kajian Mala (2024) turut melaporkan bahawa penggunaan video interaktif dan bahan visual dalam pengajaran agama mempertingkatkan motivasi dan pemahaman pelajar, terutama dalam menyampaikan konsep yang abstrak seperti akidah, sirah dan ibadah. Dalam konteks kajian ini, pelajar menyatakan bahawa guru yang menggunakan teknologi telah berjaya mempersembahkan isi kandungan Pendidikan Islam secara lebih jelas dan menarik. Walaupun terdapat sekitar 20 peratus pelajar yang menunjukkan respons neutral terhadap beberapa item, ini tidak menjejaskan kesimpulan keseluruhan bahawa teknologi telah memberi nilai tambah kepada pengalaman pembelajaran mereka. Faktor ini mungkin berpunca daripada gaya pembelajaran individu atau kecekapan guru dalam mengolah bahan digital secara efektif.

Selain itu, persepsi terhadap kemudahan penggunaan teknologi turut berada pada tahap tinggi, dengan majoriti pelajar menyatakan bahawa sistem pembelajaran dalam talian yang digunakan oleh guru adalah mudah difahami, tidak memerlukan usaha mental yang tinggi, serta mudah digunakan dalam kelas. Persepsi positif ini menunjukkan bahawa pelajar tidak mengalami beban kognitif yang tinggi semasa mengakses atau mengikuti pengajaran digital, satu ciri penting dalam Model TAM bagi memastikan kelestarian penggunaan teknologi (Davis, 1989; Ansyah, 2022). Kajian oleh Hussin et al. (2022) menyatakan bahawa antara cabaran utama pelajar dalam pembelajaran al-Quran berasaskan teknologi ialah ketidaksesuaian antara muka sistem dan sambungan internet yang lemah. Namun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Terengganu telah menikmati sistem yang boleh diakses dengan mudah, sama ada kerana peningkatan prasarana sekolah atau kerana guru telah berjaya menyesuaikan kandungan digital dengan keperluan pelajar. Walaupun masih terdapat sekitar 15 hingga 20 peratus pelajar yang bersikap neutral terhadap kemudahan penggunaan sistem, data ini memberi isyarat bahawa sebahagian kecil pelajar mungkin memerlukan lebih banyak latihan atau sokongan daripada guru dalam menguasai teknologi secara lebih mendalam. Dalam hal ini, guru bukan sahaja perlu mahir dari segi kandungan tetapi juga cekap dalam reka bentuk antara muka dan strategi digital yang inklusif dan responsif terhadap pelbagai tahap kemahiran pelajar.

Dimensi terakhir yang dinilai dalam persoalan ini ialah keberkesanan penggunaan e-pembelajaran oleh guru. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar menilai pendekatan guru yang menggunakan teknologi sebagai berkesan dalam meningkatkan kualiti pembelajaran, kecekapan penyampaian dan keseronokan dalam kelas Pendidikan Islam. Lebih 70 peratus responden bersetuju bahawa penggunaan komputer dan bahan digital menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan membantu dalam memahami topik-topik yang kompleks. Kajian oleh Fitriyah et al. (2024) turut melaporkan bahawa pelajar lebih suka kaedah pengajaran digital berbanding kaedah tradisional yang hanya berasaskan syarahan, kerana ia membolehkan mereka mengakses bahan pada bila-bila masa, berinteraksi secara visual, dan mendapat maklum balas serta motivasi secara segera. Walaupun cabaran seperti kekurangan latihan guru dan kesukaran pelajar mengawal penggunaan teknologi untuk tujuan bukan akademik turut dilaporkan oleh Mala (2024), dapatan dalam kajian ini membuktikan bahawa guru Pendidikan Islam di sekolah menengah Terengganu telah menunjukkan kemahiran pedagogi digital yang memuaskan. Respons pelajar terhadap kenyataan seperti "Saya yakin penggunaan e-pembelajaran oleh guru dapat meningkatkan prestasi pelajar" atau "Saya lebih suka membaca artikel melalui platform e-pembelajaran" adalah tinggi, mencerminkan keyakinan bahawa teknologi bukan sahaja menyampaikan maklumat, tetapi juga membentuk pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif, fleksibel dan bermakna.

Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa pelajar sekolah menengah kini berada dalam fasa transisi pembelajaran yang menyokong pendekatan pedagogi digital, termasuk dalam subjek yang bersifat nilai dan spiritual seperti Pendidikan Islam. Penerimaan teknologi dalam kalangan pelajar bukan sahaja dipacu oleh kemudahan teknikal atau ketersediaan peranti, tetapi lebih bergantung kepada bagaimana guru menyampaikan kandungan dengan cara yang bermanfaat, jelas dan berorientasikan nilai. Hal ini bertepatan dengan prinsip utama Model Penerimaan Teknologi (TAM) yang menyatakan bahawa persepsi terhadap kegunaan dan kemudahan adalah pemacu utama kepada penerimaan sistem (Ansyah, 2022). Dalam konteks ini, persepsi pelajar terhadap keberkesanan teknologi dapat ditafsirkan sebagai pantulan daripada keberkesanan pendekatan guru itu sendiri. Keputusan ini juga memberi justifikasi yang kukuh bahawa strategi pengajaran berasaskan teknologi boleh diterima dalam subjek Pendidikan Islam tanpa menjejaskan nilai dakwah, asalkan dilaksanakan secara profesional dan selaras dengan prinsip agama. Oleh itu, kajian ini memberi isyarat bahawa potensi penggunaan teknologi dalam Pendidikan Islam adalah tinggi, dan pelajar bersedia menerima perubahan sekiranya ia dilaksanakan dengan berkesan, sistematik dan bersandarkan kepada nilai-nilai Islam yang utuh. Bahagian seterusnya akan membincangkan hubungan antara psikologi dakwah pelajar dan persepsi mereka

terhadap keberkesanan teknologi secara lebih mendalam melalui analisis korelasi dan regresi yang telah dibentangkan dalam Bab 4.

5.3 Hubungan antara psikologi dakwah pelajar dengan persepsi mereka terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru

Dapatan kajian menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara psikologi dakwah pelajar dengan persepsi mereka terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam ($\rho = 0.521$, $p < 0.001$). Korelasi sederhana ke arah kuat ini membuktikan bahawa pelajar yang menilai penggunaan teknologi oleh guru sebagai berkesan, jelas, dan bermanfaat juga cenderung mempunyai tahap psikologi dakwah yang tinggi. Penemuan ini selari dengan hujahan Model IRPS oleh Nuriman dan Ibrahim (2020), yang menjelaskan bahawa dimensi religiositi, spiritualiti, persekitaran sosial, dan personaliti Islam membentuk kekuatan dalaman pelajar dalam memahami dan menghayati ajaran agama. Apabila pendekatan teknologi guru berjaya menyampaikan kandungan Islam secara interaktif dan relevan, ia berfungsi sebagai medium yang memperkukuh nilai dan sikap dakwah pelajar. Kajian oleh Jusof dan Samaeng (2025) turut menyokong dapatan ini dengan menegaskan bahawa bimbingan agama yang disampaikan dalam bentuk yang menarik dan kontekstual mampu mengekalkan minat serta meningkatkan komitmen pelajar terhadap amalan Islam. Kejayaan teknologi dalam menyokong proses dakwah di sekolah menengah dapat dilihat sebagai gabungan kekuatan pedagogi guru dan penerimaan pelajar terhadap medium pembelajaran digital yang dianggap bermakna.

Perbandingan dengan kajian lepas mengukuhkan kesahihan keputusan ini. Ashari et al. (2023) mendapati bahawa literasi digital agama yang tinggi berkait rapat dengan kemampuan pelajar mengaitkan teknologi dengan penghayatan nilai Islam, terutamanya apabila kandungan digital disusun mengikut prinsip syariah dan kaedah pedagogi yang sesuai. Kajian oleh Mala (2024) turut menunjukkan bahawa penggunaan media interaktif seperti video dakwah dan platform e-pembelajaran meningkatkan kefahaman pelajar tentang konsep agama yang kompleks. Dalam kajian ini, kesan positif tersebut diterjemahkan kepada peningkatan tahap psikologi dakwah kerana pelajar bukan sahaja memahami isi pelajaran, malah menginternalisasikan nilai Islam yang dipelajari. Hubungan ini juga seiring dengan prinsip Model TAM (Ansyah, 2022), yang menekankan bahawa persepsi kegunaan dan kemudahan teknologi secara langsung mempengaruhi kesediaan pelajar untuk menerima dan mengamalkan ilmu yang disampaikan. Apabila pelajar mendapati teknologi memudahkan pemahaman, mengurangkan beban kognitif, dan memberi peluang pembelajaran sendiri, mereka lebih cenderung mengaitkan pengalaman itu dengan nilai agama yang diperoleh, seterusnya menguatkan motivasi dakwah dalaman mereka.

Walau bagaimanapun, hubungan signifikan ini perlu dilihat secara kritikal. Korelasi sederhana ($\rho \approx 0.52$) menunjukkan wujud faktor lain yang turut mempengaruhi psikologi dakwah pelajar selain daripada persepsi mereka terhadap teknologi guru. Faktor seperti sokongan keluarga, pengaruh rakan sebaya, dan budaya sekolah berkemungkinan berperanan sebagai moderator yang menguatkan atau melemahkan kesan tersebut. Kajian oleh Fauzi dan Baharuddin (2023) membuktikan bahawa persekitaran sosial pelajar boleh menjadi penentu utama keberkesanan pendidikan dakwah, walaupun teknologi digunakan secara optimum. Oleh itu, hubungan yang diperoleh dalam kajian ini wajar difahami sebagai sebahagian daripada rangka lebih luas yang melibatkan interaksi antara teknologi, pedagogi, dan faktor psikologi-sosial pelajar. Walaupun demikian, dapatan ini tetap mempunyai implikasi penting: guru Pendidikan Islam yang mampu memanfaatkan teknologi dengan berkesan berpotensi memperkukuh bukan sahaja pemahaman pelajar terhadap kandungan, tetapi juga pembentukan akidah, akhlak, dan kesedaran dakwah mereka. Maka, hubungan positif yang terbukti secara empirikal ini menyokong cadangan untuk memperkukuh latihan guru dalam integrasi teknologi berteraskan nilai Islam, agar pengajaran digital dapat berfungsi sebagai medium pembinaan sahsiah yang kukuh dalam kalangan pelajar Muslim.

5.4 Perbezaan tahap psikologi dakwah dengan jantina, umur, lokasi sekolah, dan tahap akses kepada teknologi pembelajaran dalam kalangan pelajar

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan tahap psikologi dakwah pelajar berdasarkan faktor demografi seperti jantina, umur, lokasi sekolah, dan tahap akses kepada teknologi pembelajaran. Keputusan ujian Mann-Whitney U bagi keempat-empat faktor ini menghasilkan nilai p melebihi 0.05, dengan saiz kesan yang kecil (r antara .05 hingga .18), menandakan bahawa variasi skor psikologi dakwah antara kumpulan adalah terlalu kecil untuk dianggap bermakna. Walaupun pelajar lelaki mencatat pangkat min sedikit lebih tinggi berbanding pelajar perempuan, dan pelajar luar bandar sedikit lebih tinggi berbanding pelajar bandar, perbezaan ini tidak signifikan secara statistik. Keputusan ini menarik kerana kajian lepas seperti Othman et al. (2023) dan Jusof dan Samaeng (2025) sering melaporkan bahawa faktor jantina dan umur boleh mempengaruhi penghayatan nilai Islam, di mana pelajar perempuan dilihat lebih konsisten dalam amalan akhlak, manakala pelajar yang lebih berusia menunjukkan kematangan rohani yang lebih tinggi. Dalam konteks

kajian ini, ketiadaan perbezaan signifikan mungkin disebabkan oleh homogeniti latar belakang responden yang majoritinya berasal daripada persekitaran pendidikan dan budaya yang sama di Terengganu, dengan pendedahan kurikulum Pendidikan Islam yang seragam dan sokongan sosial yang konsisten merentas kumpulan demografi.

Ketiadaan perbezaan yang signifikan berdasarkan lokasi sekolah juga bertentangan dengan sebahagian dapatan lepas, seperti yang dilaporkan oleh Fauzi dan Baharuddin (2023), yang mendapati pelajar bandar mempunyai akses teknologi lebih baik tetapi berdepan cabaran persekitaran sosial yang kompleks, manakala pelajar luar bandar sering terhad dari segi infrastruktur tetapi mempunyai iklim sosial yang lebih kondusif kepada penghayatan agama. Dalam kajian ini, skor psikologi dakwah yang seimbang antara pelajar bandar dan luar bandar menunjukkan bahawa faktor lokasi tidak lagi menjadi pembeza utama apabila sistem pendidikan, kurikulum, dan pendekatan guru selaras di seluruh negeri. Keputusan ini juga sejajar dengan hujahan Ashari et al. (2023) bahawa peningkatan literasi digital agama di sekolah, sama ada di bandar atau luar bandar, boleh mengurangkan jurang pengalaman pelajar terhadap dakwah berbantuan teknologi. Begitu juga, keputusan bagi faktor akses teknologi menunjukkan bahawa pelajar yang berkongsi peranti tidak mempunyai skor psikologi dakwah yang lebih rendah secara signifikan berbanding pelajar yang memiliki peranti sendiri. Walaupun nilai $p = 0.072$ menunjukkan trend hampir signifikan, perbezaan ini terlalu kecil untuk membuat kesimpulan praktikal. Hal ini mungkin disebabkan oleh hakikat bahawa keberkesanan pembelajaran berasaskan teknologi dalam konteks dakwah lebih bergantung kepada kualiti bimbingan guru dan sikap pelajar terhadap pembelajaran agama, berbanding ketersediaan peranti semata-mata.

Keputusan ini memberi beberapa implikasi penting. Pertama, ia menunjukkan bahawa tahap psikologi dakwah pelajar boleh dikekalkan pada aras tinggi tanpa mengira perbezaan demografi, asalkan persekitaran pembelajaran, kurikulum, dan pendekatan pengajaran adalah konsisten serta relevan dengan nilai Islam. Ini menyokong pandangan Nuriman dan Ibrahim (2020) bahawa pembentukan personaliti Islam melalui dimensi religiositi, spiritualiti, persekitaran sosial, dan personaliti dapat dicapai secara menyeluruh jika pendekatan pengajaran berasaskan dakwah diaplikasikan secara sistematik. Kedua, ketiadaan jurang signifikan ini menunjukkan bahawa strategi pengajaran Pendidikan Islam tidak perlu dipecahkan mengikut kategori demografi secara rigid, sebaliknya boleh dirangka untuk semua pelajar dengan penekanan kepada kualiti pedagogi digital dan integrasi nilai dakwah. Namun, keputusan ini tidak menafikan kemungkinan bahawa perbezaan mungkin wujud dalam konteks yang lebih pelbagai dari segi budaya dan sosioekonomi. Oleh itu, walaupun dapatan ini mengukuhkan keyakinan bahawa pendekatan holistik mampu menghasilkan kesan dakwah yang merata, kajian lanjutan dengan sampel yang lebih heterogen diperlukan bagi mengesahkan sama ada faktor demografi benar-benar tidak mempengaruhi psikologi dakwah di peringkat nasional. Secara keseluruhannya, hasil ini menyampaikan mesej bahawa kekuatan dalaman pelajar dalam menghayati nilai dakwah boleh dibentuk secara seragam merentas latar belakang, selagi pendekatan pengajaran yang digunakan adalah konsisten, profesional, dan berpaksikan nilai Islam.

6. Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini memberikan implikasi praktikal yang jelas terhadap amalan pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah, khususnya dalam konteks integrasi teknologi dan pembinaan nilai dakwah pelajar. Penemuan bahawa terdapat hubungan signifikan antara persepsi pelajar terhadap keberkesanan penggunaan teknologi oleh guru dan tahap psikologi dakwah mereka menunjukkan bahawa teknologi bukan sekadar medium penghantaran maklumat, tetapi juga berperanan membentuk akidah, spiritualiti dan personaliti Islam pelajar. Guru Pendidikan Islam kini perlu lebih proaktif dalam menggunakan teknologi bukan hanya untuk menarik perhatian pelajar, tetapi untuk menyampaikan kandungan agama secara lebih mendalam dan berkesan. Penggunaan platform seperti Google Classroom, YouTube, atau aplikasi kuiz interaktif dapat dimanfaatkan untuk menyampaikan mesej dakwah yang bersifat reflektif dan membina kesedaran rohani pelajar. Implikasi ini menuntut guru agar menguasai kemahiran pedagogi digital secara profesional, dengan menyesuaikan kandungan teknologi agar selari dengan nilai Islam yang ingin disampaikan. Apabila guru mampu mengintegrasikan nilai-nilai keagamaan secara tersirat dalam setiap aktiviti teknologi, pengajaran tidak lagi bersifat satu hala, tetapi menjadi proses pembentukan sahsiah dan psikologi dakwah yang bersifat mendalam dan lestari dalam kalangan pelajar.

Dari sudut teori, kajian ini memberikan sumbangan penting terhadap pengembangan kerangka konsep dan model sedia ada dalam bidang psikologi pelajar dan pedagogi Islam. Penggabungan Model IRPS (Nuriman & Ibrahim, 2020) dan Model TAM (Ansyah, 2022) dalam satu kerangka kajian membuktikan bahawa hubungan antara dimensi psikologi dalaman pelajar dengan persepsi terhadap teknologi boleh diukur secara empirikal dan signifikan. Ini membuka ruang kepada pembentukan model pendidikan Islam baharu yang bersifat integratif, iaitu menggabungkan dimensi spiritual dan kepercayaan dengan elemen teknikal dan interaktif. Dapatan bahawa persepsi terhadap keberkesanan penggunaan teknologi mampu menjelaskan 27.6 peratus daripada varians psikologi dakwah menunjukkan bahawa teknologi boleh menjadi salah satu faktor dominan dalam pembentukan nilai dakwah pelajar jika digunakan secara strategik. Implikasi ini mendorong

para penyelidik untuk melihat semula peranan teknologi dalam pendidikan Islam bukan hanya sebagai alat bantu mengajar, tetapi sebagai salah satu agen perubahan sosial dan pembentukan personaliti pelajar Muslim. Oleh itu, pendekatan pedagogi Islam perlu melangkaui batas konvensional dan mengambil kira interaksi antara teknologi, persekitaran pembelajaran, dan psikologi dakwah sebagai satu sistem yang saling memperkukuh.

Di samping itu, dapatan kajian ini turut memberi implikasi terhadap dasar pendidikan dan latihan guru di peringkat sistem pendidikan kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia dan institusi latihan guru perlu memberi penekanan khusus kepada pembangunan profesionalisme guru Pendidikan Islam dalam aspek integrasi nilai dan teknologi. Modul latihan guru yang sedia ada perlu dikemas kini untuk memasukkan kemahiran penggunaan teknologi dalam pengajaran dakwah, dengan tumpuan kepada keberkesanan reka bentuk instruksional, sensitiviti nilai Islam, dan strategi membina hubungan dua hala antara guru dan pelajar melalui platform digital. Penemuan ini turut menyerlahkan keperluan untuk memperkukuh infrastruktur teknologi sekolah di luar bandar agar pelajar tidak ketinggalan dalam menikmati pembelajaran Islam yang bersifat moden dan bermakna. Selain itu, pihak pentadbiran sekolah boleh menggunakan dapatan ini untuk menyusun program pembangunan nilai pelajar secara lebih terancang, dengan menggabungkan aktiviti kokurikulum berasaskan teknologi, seperti vlog dakwah pelajar, pertandingan media dakwah digital, dan platform refleksi dalam talian. Kesemua ini dapat menyokong misi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013–2025) yang menekankan pembangunan pelajar secara holistik, termasuk dari aspek sahsiah, spiritual dan keseimbangan duniawi–ukhrawi. Justeru, dapatan kajian ini bukan sahaja memberi sumbangan kepada bidang penyelidikan, malah mempunyai nilai praktikal yang tinggi dalam membantu pihak berkepentingan merancang strategi pendidikan Islam yang lebih berkesan, kontekstual dan berpaksikan nilai.

7. Had Kajian

Kajian ini dijalankan dengan reka bentuk kuantitatif secara keratan lintang dan terhad kepada populasi pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 di beberapa buah Sekolah Menengah Kebangsaan di negeri Terengganu. Oleh itu, keterbatasan utama kajian ini ialah dari segi keterwakilan populasi. Dapatan kajian tidak dapat digeneralisasi kepada pelajar dari negeri lain di Malaysia yang mungkin mempunyai konteks budaya, latar sosioekonomi, dan pengaruh persekitaran yang berbeza. Misalnya, pelajar di negeri yang lebih urban seperti Selangor atau Kuala Lumpur mungkin menunjukkan corak penggunaan teknologi yang lebih kompleks atau pendedahan dakwah yang berbeza. Justeru, kesahan luaran kajian ini terbatas kepada kelompok pelajar dalam lingkungan konteks geografi dan budaya tertentu sahaja.

Selain itu, keterbatasan metodologi turut wujud apabila kajian ini hanya menggunakan soal selidik sebagai satu-satunya instrumen pengumpulan data. Walaupun soal selidik memberikan kelebihan dari segi kecekapan masa dan kebolehan menganalisis data secara statistik, ia tidak membenarkan penyelidik menggali pengalaman, emosi dan naratif mendalam pelajar yang mungkin mempengaruhi psikologi dakwah mereka. Data yang dikumpul bergantung kepada kejujuran dan kefahaman responden terhadap pernyataan-pernyataan yang diberikan, yang mungkin terkesan oleh faktor sosial seperti bias keinginan untuk kelihatan baik (social desirability bias). Tambahan pula, pendekatan kuantitatif tidak mampu menangkap nuansa interaksi antara pelajar dan guru semasa proses pengajaran berlangsung, yang berkemungkinan memberikan penjelasan yang lebih holistik terhadap bagaimana teknologi membentuk nilai dakwah secara langsung dan tersirat.

8. Cadangan Kajian Masa Hadapan

Kajian lanjutan disarankan agar dijalankan dalam skop yang lebih luas merentasi pelbagai negeri di Malaysia, termasuk kawasan bandar raya, luar bandar, serta sekolah-sekolah dengan latar belakang demografi yang lebih pelbagai seperti sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah tahfiz, dan sekolah swasta Islam. Penyelidikan lanjutan ini akan membolehkan perbandingan dibuat terhadap bagaimana konteks geografi dan budaya mempengaruhi hubungan antara psikologi dakwah dan persepsi terhadap penggunaan teknologi. Pelajar di bandar besar seperti Kuala Lumpur atau Johor Bahru mungkin lebih terbiasa dengan pembelajaran digital dan menunjukkan corak interaksi yang berbeza dengan teknologi berbanding pelajar di kawasan luar bandar. Dengan itu, hasil yang lebih menyeluruh dan bersifat nasional dapat dicapai serta dijadikan asas kepada pembentukan dasar pengajaran Pendidikan Islam yang bersifat inklusif dan sensitif kepada kepelbagaian konteks pelajar.

Selain memperluaskan skop geografi, penyelidikan masa hadapan juga digalakkan menggunakan reka bentuk kaedah campuran (mixed methods) atau pendekatan kualitatif secara mendalam. Kaedah temubual, pemerhatian kelas, atau analisis reflektif pelajar boleh digunakan untuk melengkapi data kuantitatif dan memberikan gambaran yang lebih komprehensif tentang bagaimana pelajar benar-benar menghayati nilai dakwah dalam persekitaran pembelajaran digital. Pendekatan ini penting bagi mengenal pasti elemen tersembunyi dalam proses pengajaran seperti intonasi guru, reaksi pelajar terhadap kandungan visual, serta

faktor tidak formal lain yang memberi kesan kepada pembentukan psikologi pelajar. Dengan memasukkan data kualitatif, penyelidik juga dapat memahami konteks sosial dan emosi pelajar secara lebih mendalam, serta mengenal pasti corak perbezaan respons mengikut gender, latar keluarga, atau pengaruh rakan sebaya. Tambahan pula, pendekatan longitudinal yang melibatkan pengumpulan data dalam tempoh yang panjang juga perlu dipertimbangkan untuk melihat sejauh mana perubahan psikologi dakwah pelajar dapat dikaitkan secara langsung dengan keberkesanan penggunaan teknologi dalam jangka masa sederhana hingga panjang.

Penyelidikan masa hadapan perlu memberi perhatian kepada pembolehubah lain yang berpotensi menjadi perantara atau moderator dalam hubungan antara teknologi dan psikologi dakwah pelajar. Antara pembolehubah yang boleh diteroka termasuk tahap motivasi intrinsik pelajar, sokongan ibu bapa, pendedahan kepada media dakwah luar bilik darjah, serta keberkesanan latihan guru dalam teknologi pengajaran Islam. Pembolehubah-pembolehubah ini dapat menjelaskan lebih banyak varians dalam pembentukan psikologi dakwah pelajar yang tidak dapat diterangkan sepenuhnya dalam model kajian semasa. Kajian masa hadapan juga boleh membangunkan model teori baharu yang lebih holistik dengan menggabungkan unsur psikologi, sosial dan pedagogi dalam satu rangka kerja bersepadu. Dengan mengambil kira faktor-faktor ini, penyelidikan lanjutan akan dapat memberi sumbangan lebih mendalam kepada teori pendidikan Islam kontemporari dan menyediakan bukti empirikal yang kukuh untuk menyokong pembangunan kurikulum serta latihan guru yang relevan dengan cabaran pendidikan abad ke-21.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada para pensyarah dan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dan dorongan sepanjang proses kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **konsepsi dan reka bentuk kajian:** M. Haris Helmi H. Husin, M. Khalid M. Nasir; **pengumpulan data:** M. Haris Helmi H. Husin; **analisis dan interpretasi hasil:** M. Haris Helmi H. Husin; **penyediaan draf manuskrip:** M. Haris Helmi H. Husin, M. Khalid M. Nasir. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.

Rujukan

- Abd Karim, K. S. (2025). Keseimbangan dakwah terhadap saudara baru dan golongan asnaf di Malaysia: Satu tinjauan dari perspektif psikologi. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies*, 2(2).
- Ansyah, E. (2022). The role of digital learning in Islamic education: An analysis of acceptance technology in Indonesia. *Eurasian Journal of Educational Research (EJER)*, (102), 21–38.
- Ashari, M. K., Faizin, M., & Shiddiq, J. (2023). Religious digital literacy of students in Indonesia and Malaysia. *TADRIS: Jurnal Pendidikan Islam*, 18(1), 189–210.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage Publications.
- Davis, F. D. (1989). Technology acceptance model: TAM. In M. N. Al-Suqri & A. S. Al-Aufi (Eds.), *Information seeking behavior and technology adoption* (pp. 205–219).
- Fatmawati, E. (2025). Digitalization of Ramadan da'wah: Effective strategies for Islamic education in the technological era. *Indonesian Journal of Studies on Humanities, Social Sciences and Education*, 2(1), 14–32.
- Fauzi, N. U. A., & Baharuddin, S. N. B. (2023). Persepsi guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap cabaran dakwah pelajar di sekolah. *Pembangunan Insan Dalam Konteks Dakwah & Usuluddin*, 59.
- Fitriyah, A., Arum, G. P. K., Ahmady, K. N. L., Utami, M., Valentina, M. F., & Suresman, E. (2024). Transformasi nilai Islam dalam era digital: Implementasi di Sekolah Menengah Pertama. *Synergy: Jurnal Ilmiah Multidisiplin*, 1(05), 322–355.

- Hair, J., Black, J., Babin, W., Anderson, B., & Tatham, R. (2019). *Multivariate data analysis* (6th ed.). Pearson New International Edition.
<https://www.drnishikantjha.com/papersCollection/Multivariate%20Data%20Analysis.pdf>
- Hussin, H., Ghani, A. R. A., Ahmad, A. R., Saleh, M. H., & Haridi, N. H. (2022). Dimensi pelajar terhadap penggunaan medium teknologi dalam kursus hafazan al-Quran semasa COVID-19: Kajian terhadap pelajar Universiti Sains Islam Malaysia. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 5(1), 27–36.
- Jusof, N., & Samaeng, A. (2025). Educational psychology in Islamic preaching. *MENARA: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 161–177.
- Kahfi, A., & Mahmudi, K. A. (2024). Transformation of da'wah in the digital era: Modern strategies in optimizing technology-based da'wah management. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 9(2), 63–79.
- Krejcie, D., & Morgan, R. V. (1970). Menentukan ukuran sampel untuk kegiatan penelitian. *Pengukuran Pendidikan dan Psikologis*.
- Mala, A. (2024). Dakwah digital: Mentransformasi pendidikan agama Islam dengan teknologi mutakhir. *Jurnal Kolaboratif Sains*, 7(2), 978–988.
- Nordin, M. N., Noor, A. M., & Ismail, N. (2022). Cabaran dan peranan dakwah semasa pandemik COVID-19 dalam kalangan remaja Islam di Pontian, Johor: Challenges and the role of da'wah during the COVID-19 pandemic among Muslim youths in Pontian, Johor. *Jurnal Pengajian Islam*, 273–287.
- Norsham, N., Borham, A. H., & Rahim, M. M. A. (2023). Da'wah methods in teaching and learning of students with education special needs (MBK) in secondary school. *Borneo International Journal*, 6(2), 8–12.
- Nuriman, N., & Ibrahim, S. R. (2020). Measuring validity and reliability of the model of Islamic religious-personality and social environment as a mediator. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*, 8(2), 351–376.
- Othman, M. S. B., Yusuf, A. B., Hosshan, H., & Hashim, A. T. M. (2023). Penghayatan dakwah akhlak di kalangan pelajar sekolah menengah Negeri Perak: Appreciation of preaching Islamic morality among secondary school students in Perak. *JURNAL YADIM: International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 3(1), 121–136.
- Supangat, S. (2024). Dampak penggunaan artificial intelligence (AI) dalam pembelajaran Pendidikan Agama Islam di Sekolah Menengah Pertama (SMP). *Mauriduna: Journal of Islamic Studies*, 5(3), 923–936.
- Ulumudin, I., Basyiroh, I., & Ramdani, C. (2024). Transforming Islamic education through IT: Insights from da'wah practices in South Korea. *International Journal of Education and Digital Learning*, 2(6), 23–30.
- Wulandari, W. (2022). Implementation of Islamic education and wasathiyah da'wah for millennial generation with Al-Qur'an perspective in facing Society 5.0. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 19(1), 129–140.